A

SAGAR SHARMA & SATU LAGI lwn. PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
AHMAD ZAIDI IBRAHIM HMR
MOHAMED ZAINI MAZLAN HMR
MOHD FIRUZ JAFFRIL HMR
B [RAYUAN JENAYAH NO: B-05(M)-527-11-2022]
20 MEI 2025

Abstrak – *Keterangan ikut keadaan, walaupun menunjukkan pengetahuan tentang jenayah atau percubaan untuk mengelirukan, adalah tidak mencukupi untuk membuktikan elemen 'menyebabkan bencana atau kecederaan tubuh' dalam pertuduhan pembunuhan bawah s. 302 Kanun Keseksaan. Ini berlaku jika keterangan penting, seperti kenyataan yang membawa pada penemuan mayat dan ekshibit, diterima masuk tanpa keterangan lisan yang betul dan pematuhan pada prasyarat s. 27 Akta Keterangan 1950.*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kesalahan – Membunuh – Rayuan – Inti pati-inti pati kesalahan – Sama ada dipenuhi – Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie – Sama ada tertuduh-tertuduh patut dipanggil membela diri – Sama ada elemen 'menyebabkan bencana atau kecederaan tubuh' boleh dibuktikan melalui keterangan ikut keadaan – Kanun Keseksaan, s. 302*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Kesalahan membunuh – Sama ada inti pati-inti pati kesalahan dipenuhi – Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie – Sama ada tertuduh-tertuduh patut dipanggil membela diri – Sama ada sabitan dan hukuman selamat – Kanun Keseksaan, s. 302*

KETERANGAN: *Keterangan ikut keadaan – Kesalahan membunuh – Sama ada inti pati-inti pati kesalahan dipenuhi – Sama ada elemen 'menyebabkan bencana atau kecederaan tubuh' boleh dibuktikan melalui keterangan ikut keadaan – Kanun Keseksaan, s. 302 – Akta Keterangan 1950, s. 27*

Tertuduh pertama dan kedua dituduh di Mahkamah Tinggi atas kesalahan membunuh, bawah s. 302 dibaca bersama-sama s. 34 Kanun Keseksaan. Menurut kes pendakwaan, SP10 menghantar pesanan WhatsApp kepada si mati Emily ('Emily') memohon kebenaran untuk membawa teman lelaki Emily, iaitu si mati William ('William') ke satu jamuan di gereja pada keesokkan harinya. Emily bersetuju. Esoknya, SP10 pergi kondominium untuk menjemput William. Selepas menunggu dan mendapati William tiada, SP10 menghantar pesanan pada Emily dan membuat panggilan pada kedua-dua si mati tetapi tidak berjawab dan tidak berbalas. SP10 pun berlalu dari situ. Esoknya lagi, SP10 memaklumkan perkara tersebut pada SP11 dan SP12 yang juga kawan-kawan kedua-dua si mati. SP11 dan SP12 telah pergi

ke (i) kondominium yang dihuni kedua-dua si mati dan mendapati tiada orang di rumah tersebut walaupun telah mengetuk pintu gril dan menjerit memanggil mereka; (ii) tempat kerja Emily dan diberitahu bahawa Emily tidak datang bekerja; (iii) tempat tertuduh pertama bekerja tetapi diberitahu tertuduh pertama tidak datang bekerja; dan (iv) rumah sewa William dan mendapati tertuduh pertama telah menunggu mereka. Tertuduh kedua turut berada di situ. Tertuduh pertama memberitahu bahawa kedua-dua si mati telah berpindah. Bimbang akan keselamatan kedua-dua si mati, SP12 telah membuat laporan polis. Pada hari yang sama, seorang pekerja Syarikat Time DotCom ('SP9'), semasa memeriksa kabel bawah tanah, ternampak sebuah beg pakaian yang dihinggapi lalat dengan bau busuk di dalam longkang. Terdapat kesan darah di atas lantai longkang dan nampak seperti mayat di dalam beg. SP9 menghubungi 999. Pihak polis mendapati dalam beg pakaian tersebut yang terdapat satu mayat wanita. Cap jari si mati dan pengecaman oleh kakaknya mengesahkan si mati itu adalah Emily. Hasil siasatan membawa pada tangkapan tertuduh kedua. Berdasarkan maklumat yang dibekalkan oleh tertuduh kedua, pihak polis menemui satu sarung pisau kain dan satu bilah pisau lipat dalam sebuah beg. Tangkapan juga berjaya dibuat terhadap tertuduh pertama. Pandu arah oleh tertuduh pertama membawa pihak polis pada penemuan satu mayat lelaki. Mayat tersebut kemudian disahkan sebagai William. Setelah berpuas hati bahawa satu kes *prima facie* berjaya dibuktikan, Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') memanggil tertuduh-tertuduh membela diri. Dalam pembelaan mereka, tertuduh-tertuduh menafikan penglibatan mereka dalam melakukan pembunuhan atas kedua-dua si mati dan, sebaliknya, menyatakan bahawa orang yang terlibat dan mengetahui tentang pembunuhan tersebut adalah Puneet, iaitu bos tertuduh kedua. Pada penutup kes pembelaan, HMT mendapati bahawa versi pembelaan tertuduh-tertuduh tidak menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Tertuduh-tertuduh didapati bersalah dan disabitkan atas pertuduhan dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati. Oleh itu, rayuan ini.

Diputuskan (membenarkan rayuan; mengetepikan sabitan dan hukuman terhadap tertuduh-tertuduh)
Oleh Mohd Firuz Jaffril HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1a) Hakim Mahkamah Tinggi telah menggariskan empat inti pati yang harus dibuktikan oleh pihak pendakwaan terhadap tertuduh-tertuduh iaitu: (i) seorang manusia telah mati; (ii) kematian si mati disebabkan bencana tubuh atau kecederaan yang dialaminya; (iii) bencana tubuh atau kecederaan atas si mati dilakukan oleh tertuduh; dan (iv) tertuduh berniat untuk mendatangkan bencana tubuh atau kecederaan tubuh atas si mati yang cukup pada lazimnya menyebabkan kematian. Hakim Mahkamah Tinggi mendapati bahawa inti pati (iii) telah dibuktikan melalui keterangan ikut keadaan. (perenggan 98 & 100)

(1b) Dalam keadaan DNA tertuduh-tertuduh tidak langsung dijumpai pada mayat kedua-dua si mati mahupun pada pisau yang dikatakan digunakan untuk membunuh Emily, tertuduh pertama dan kedua sekadar: (i) mempunyai pengetahuan di mana beg dan barang-barang kes yang berkaitan dibuang atau disembunyikan; (ii) dilihat menarik beg melalui rakaman CCTV di kawasan parkir kondominium; (iii) berbohong pada SP11 dan SP12 bahawa si mati telah berpindah keluar; dan (iv) keluar dari rumah si mati sebaik sahaja kedua-dua si mati didapati tidak dijumpai oleh SP10, SP11 dan SP12 dan membawa beg dan menyimpannya di rumah SP22. Seterusnya, tertuduh kedua berbohong dan memberi alasan yang berbeza dengan tertuduh pertama tentang si mati pada SP22 dengan mengatakan tertuduh kedua bertengkar dan tidak puas hati dengan kedua-dua si mati dan tertuduh kedua berpindah rumah. Itu tidak memadai untuk membuktikan bahawa mereka akan melakukan bencana tubuh atau kecederaan pada kedua-dua si mati. (perenggan 100)

(2a) Keperluan untuk menghuraikan sama ada perbuatan tertuduh-tertuduh, yang dikatakan telah menunjukkan di mana terjumpanya mayat William dan ekshibit lain adalah kritikal kerana, di peringkat perbicaraan, tertuduh-tertuduh telah mencabar keterangan pihak polis (SP19 dan SP20) bahawa tertuduh-tertuduh telah menunjukkan tempat di mana barang-barang kes dijumpai. Versi tertuduh-tertuduh adalah bahawa pihak polis, yang turut melibatkan SP19 dan SP20, telah menjumpai barang-barang kes tersebut sebelum membawa mereka ke lokasi. (perenggan 103)

(2b) Tiada keterangan lisan daripada SP19 dan SP20 yang membawa pada penemuan mayat William, beg dan barang-barang peribadi kedua-dua si mati. Sebaliknya kedua-dua saksi ini mengemukakan laporan polis sahaja. Walaupun laporan-laporan polis ini menyatakan secara terperinci apa yang berlaku yang membawa pada penemuan mayat kedua-dua si mati dan ekshibit lain ini telah diterima masuk sebagai keterangan yang menyokong dan mempengaruhi kes pihak pendakwaan, kedua-duanya langsung tidak disentuh oleh HMT dalam alasan penghakiman beliau. (perenggan 105)

(3) Hakim Mahkamah Tinggi terkhilaf apabila (i) gagal membuat sebarang analisa mahupun dapatan berhubung maklumat yang dikatakan telah diberikan oleh tertuduh-tertuduh pada SP19 dan SP20; (ii) tidak memastikan sama ada laporan polis yang dikemukakan oleh SP19 dan SP20 mematuhi prasyarat kemasukan keterangan bawah s. 27 seperti yang dinyatakan di atas terutamanya ketiadaan keterangan lisan berhubung pertuturan antara SP19 dan tertuduh pertama serta SP20 dan tertuduh kedua yang membawa pada tertuduh-tertuduh yang menjurus pada penemuan mayat William dan ekshibit yang berkaitan; dan (iii) gagal menolak kemasukan laporan polis tersebut dalam

ketiadaan keterangan lisan. Analisa atas butir-butir yang dinyatakan mendapati bahawa kandungan kedua-dua laporan polis tersebut amat mempengaruhi naratif kes pendakwaan. Tanpa laporan-laporan polis tersebut, keterangan SP19 dan SP20 tentang perbuatan tertuduh-tertuduh menunjukkan ekshibit yang ditemui adalah samar dan mewujudkan lompang dalam kes pihak pendakwaan. (perenggan 115 & 116)

(4) Hakim Mahkamah Tinggi terkhilaf dalam membuat dapatan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes *prima facie* yang mematuhi s. 180 Kanun Tatacara Jenayah serta prinsip-prinsip dalam kes *Balachandran v. PP* yang membawa pada kedua-dua tertuduh dipanggil membela diri. Hakim Mahkamah Tinggi gagal membuat maximum evaluation atas kes pendakwaan. Sabitan dan hukuman terhadap kedua-dua tertuduh tidak selamat. (perenggan 118)

English *Headnotes*

The first and second accused persons were charged at the High Court with murder, an offence under s. 302 read together with s. 34 of the Penal Code. The prosecution's case unveiled that SP10 had sent a WhatsApp message to the deceased, Emily ('Emily') seeking her permission to bring Emily's boyfriend, the deceased, William ('William'), to a church event the next day. Emily agreed. The following day, SP10 headed to their condominium to fetch William. After waiting and finding that William was not there, SP10 messaged Emily and called both deceased persons, but received no answer or reply. SP10 then left. The next day, SP10 informed SP11 and SP12, who were also friends with both deceased persons. SP11 and SP12 then went to (i) the condominium occupied by both deceased persons and found that no one was at home despite knocking on the grille door and shouting their names; (ii) Emily's workplace and were informed that she did not come to work; (iii) the first accused's workplace but were told that he too did not come to work; and (iv) William's rented house and found the first accused was waiting for them there. Also present was the second accused. The first accused said that both deceased persons had moved out. Concerned for the safety of both deceased persons, SP12 decided to lodge a police report. On the same day, an employee of the Time DotCom company ('SP9'), while inspecting underground cables, came across a fly-infested suitcase with a foul smell in a drain. There were bloodstains on the drain floor, and what appeared to be a body inside the bag. SP9 contacted 999. The police found the body of a woman inside the suitcase. The deceased's fingerprints and identification by her sister confirmed that the body was that of Emily. Investigations led to the arrest of the second accused. Based on the information provided by the second accused, the police found a cloth knife sheath and a folding knife in a bag. The first accused was also successfully arrested. The first accused's directions led the police to the discovery of a male body. The body was later confirmed to be William. Satisfied that a

prima facie case had been proven, the High Court Judge ('HCJ') called upon the accused persons to enter their defence. In their defence, the accused persons denied any involvement in the murder of both deceased persons and, instead, asserted that the person who was involved and had knowledge of the murder was the second accused's boss, Puneet. At the close of the defence's case, the HCJ found that the accused persons' defence failed to raise any reasonable doubt on the prosecution's case. The accused persons were found guilty and convicted of the charges and accordingly sentenced to death by hanging. Hence, the present appeal.

Held (allowing appeal; setting aside conviction and sentence against accused persons)

Per Mohd Firuz Jaffril JCA delivering the judgment of the court:

(1a) The HCJ had outlined four ingredients to be proven by the prosecution against the accused persons, namely: (i) a person had died; (ii) the deceased died due to the bodily harm or injuries sustained; (iii) the bodily harm or injuries to the deceased were inflicted by the accused; and (iv) the accused intended to cause bodily harm or injuries to the deceased that were ordinarily sufficient to cause death. It was the HCJ's finding that element (iii) was proven through circumstantial evidence.

(1b) In such situation where the accused persons' DNA were not found on the bodies of either deceased persons nor on the knife allegedly used to kill Emily, the first and second accused persons merely: (i) had knowledge of where the bag and related case materials were disposed of or were hidden; (ii) were seen pulling a bag *via* CCTV footage in the condominium's parking area; (iii) lied to SP11 and SP12 that the deceased persons had moved out; and (iv) left the deceased persons' home as soon as they were not found by SP10, SP11, and SP12 and took a bag and kept it at SP22's house. Further, the second accused lied and gave a reason that was different from that of the first accused's to SP22 about the deceased persons, stating that the second accused had an argument and was unhappy with both the deceased persons and that the second accused had moved house. This was insufficient to prove that they had inflicted bodily harm or injuries upon both the deceased persons.

(2a) The requirement to explain whether the accused persons' actions, which allegedly showed where William's body was and where other exhibits were found, was critical as, during trial, the accused persons had challenged the testimonies of the police (SP19 and SP20) that the accused persons had shown the location where the case items were found. The accused persons' version was that the police, including SP19 and SP20, had discovered these items before bringing them to the location.

(2b) There was no oral testimony from SP19 and SP20 that led to the discovery of William's body, the bag, and the personal belongings of both deceased persons. Instead, both witnesses only submitted police reports. Although these police reports detailed what had transpired, leading to the discovery of both deceased persons' bodies and these other exhibits were admitted as corroborative evidence influencing the prosecution's case, they were not touched upon by the HCJ in His Lordship's grounds of judgment.

(3) The HCJ erred in (i) failing to conduct any analysis or findings regarding the information allegedly provided by the accused persons to SP19 and SP20; (ii) not ensuring whether the police reports lodged by SP19 and SP20 complied with the prerequisites for the admission of evidence pursuant to s. 27, especially in the absence of an oral testimony concerning the communication between SP19 and the first accused, and SP20 and the second accused, which led to the accused persons facilitating the discovery of William's body and other related exhibits; and (iii) failing to reject the admission of these police reports in the absence of an oral testimony. An analysis of the stated details found that the contents of both police reports significantly influenced the prosecution's narrative. Without these police reports, SP19 and SP20's testimonies regarding the accused persons' actions in pointing to the discovered exhibits were vague and created a gap in the prosecution's case.

(4) The HCJ erred in finding that the prosecution had proved a *prima facie* case which complied with s. 180 of the Criminal Procedure Code and the principles in the case of *Balachandran v. PP*, which led to both accused persons being called to enter their defence. The HCJ failed to conduct a maximum evaluation of the prosecution's case. The conviction and sentence against both accused persons were unsafe.

Kes-kes yang dirujuk:

Ahmad Najib Aris v. PP [2009] 2 CLJ 800 FC ***(dirujuk)***
Amathevelli P Ramasamy v. PP [2009] 3 CLJ 109 FC ***(dirujuk)***
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Francis Antonysamy v. PP [2005] 2 CLJ 481 FC ***(dirujuk)***
Goi Ching Ang v. PP [1999] 1 CLJ 829 FC ***(dirujuk)***
Hasamuddin Talena v. PP [2002] 2 CLJ 504 CA ***(dirujuk)***
Masoumeh Gholami Khaveh v. PP [2013] 5 CLJ 59 CA ***(dirujuk)***
Md Zainuddin Raujan v. PP [2012] 7 CLJ 715 CA ***(dirujuk)***
Pathmanabhan Nalliannen v. PP & Other Appeals [2017] 4 CLJ 137 FC ***(dirujuk)***
PP v. Azilah Hadri & Anor [2015] 1 CLJ 579 FC ***(dirujuk)***
PP v. Hashim Hanafi [2003] 8 CLJ 555 HC ***(dirujuk)***
Shohel lwn. PP [2022] CLJU 2812; [2022] 1 LNS 2812 CA ***(dirujuk)***
Siew Yoke Keong v. PP [2013] 4 CLJ 149 FC ***(dirujuk)***
Ti Chuee Hiang v. PP [1995] 3 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 180, 182A
Evidence Act 1950, ss. 8, 24, 27, 114(g)
Penal Code, s. 302

Bagi pihak perayu pertama dan kedua - Afifuddin Ahmad Hafifi; T/n Salehuddin Saidin & Assocs
Bagi pihak responden - Eyu Ghim Siang; TPR

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Shah Alam; Rayuan Jenayah No: BA-45B-18-07-2020 (ditolak).]

Dilaporkan oleh Lina E & Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Mohd Firuz Jaffril HMR:

Pengenalan

[1] Perayu-perayu dalam kes ini telah didakwa di Mahkamah Tinggi Shah Alam dengan niat bersama membunuh Lim Ah Kee @ Lim Kok Hoe dan Tan Siew Mee di bawah s. 302 Kanun Keseksaan. Perayu pertama, Sagar Sharma akan dirujuk sebagai tertuduh pertama (T1) manakala perayu kedua, Shubham Sharma akan dirujuk selaku tertuduh kedua (T2) sepertimana di Mahkamah Tinggi.

[2] Pertuduhan ke atas T1 dan T2 di Mahkamah Tinggi Shah Alam adalah seperti berikut:

> Pertuduhan Pertama
>
> Bahawa kamu bersama-sama telah pada lebih kurang pukul 8.00 malam 23 Ogos 2019 jam lebih kurang 3.20 pagi 24 Ogos 2019 di rumah B-12-07, The Main Place Residence, Jalan USJ 21/10, USJ 21, di dalam daerah Petaling, di dalam Negeri Selangor, telah membunuh Lim Ah Kee @ Lim Kok Hoe (No. K/P: 400310-07-5271) dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama dengan Seksyen 34 Kanun Keseksaan.
>
> Pertuduhan Kedua
>
> Bahawa kamu bersama-sama telah pada lebih kurang pukul 8.00 malam 23 Ogos 2019 hingga jam lebih kurang 3.20 pagi 24 Ogos 2019 di rumah B-12-07, The Main Place Residence, Jalan USJ 21/10, USJ 21, di dalam daerah Petaling, di dalam Negeri Selangor, telah membunuh Tan Siew Mee (No. K/P: 671007-02-5866) dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama dengan Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Keputusan Hakim Mahkamah Tinggi (HMT) Di Akhir Perbicaraan

[3] Pada 2 November 2021, HMT telah membuat dapatan bahawa T1 dan T2 bersalah dan disabitkan dengan kedua-dua pertuduhan membunuh yang dinyatakan di perenggan [2] di atas. Seterusnya, HMT telah menjatuhkan

hukuman gantung hingga mati ke atas T1 dan T2.

[4] Ekoran daripada keputusan HMT tersebut, kedua-dua T1 dan T2 telah memfailkan rayuan ke mahkamah ini.

Keputusan Mahkamah Rayuan

[5] Rayuan T1 dan T2 terhadap keputusan HMT telah dibicarakan pada 4 November 2024. Di akhir perbicaraan rayuan, mahkamah ini telah membenarkan rayuan T1 dan T2 dan mengetepikan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh HMT.

[6] Berikut adalah alasan bagi keputusan tersebut berdasarkan analisa ke atas kes pendakwaan, kes pembelaan, analisa ke atas penghakiman HMT dan hujah kedua-dua pihak di peringkat rayuan.

Kes Pendakwaan

[7] Yong Soe Han (SP10) merupakan ahli komuniti Baptist Church Kota Damansara. SP10 sering membawa Lim Ah Kee (si mati William) yang beliau kenali sebagai William ke gereja. Pada 23 Ogos 2019, SP10 telah menghantar pesanan melalui aplikasi Whatsapp kepada Tan Siew Mee yang SP10 kenali sebagai Emily (si mati Emily) memohon kebenaran untuk membawa si mati William ke majlis jamuan makan ahli gereja di Puchong yang dijadualkan pada 24 Ogos 2019. Si mati Emily bersetuju.

[8] Simati William merupakan teman lelaki kepada si mati Emily yang telah bersekedudukan selama 30 tahun dan pada masa kejadian kedua-dua si mati menyewa dan tinggal di kondominium B-12-07, Main Place Residence, Jalan USJ 21/10, USJ 21, Selangor (rumah si mati).

[9] Pada 24 Ogos 2019 SP10 telah pergi ke Kondominium Main Place untuk menjemput si mati William. Apabila SP10 sampai di lobi kondominium jam 7.15 malam, SP10 mendapati si mati William tiada. Lalu SP10 menghantar pesanan kepada si mati Emily tetapi si mati Emily tidak menjawab pesanan tersebut. SP10 juga membuat panggilan kepada kedua-dua si mati namun tidak berjawab. SP10 berlalu dari situ.

[10] Pada 25 Ogos 2019 semasa di dewan/pusat komuniti Baptist Church Kota Damansara, SP10 telah memberitahu tentang perkara tersebut kepada Te Poh Mei (SP12) dan Li Gim Seng (SP11) yang juga merupakan kawan si mati. Kedua-dua mereka telah membantu untuk berhubung dengan si mati. SP11 dan SP12 telah pergi ke kondo si mati pada jam 5 petang dan mendapati tiada orang di rumah tersebut walaupun telah mengetuk pintu gril dan menjerit memanggil nama William.

[11] SP11 dan SP12 kemudian terus pergi ke tempat si mati Emily bekerja di De House One City USJ 25. Di sana mereka diberitahu oleh pekerja di situ bahawa si mati Emily tidak datang bekerja sejak 24 Ogos 2019. SP11 seterusnya menghubungi T1 tetapi tidak berjawab. SP11 dan SP12 mengenali T1 setelah diperkenalkan oleh si mati William sebagai penyewa di rumah si

mati dan bekerja sebagai sekuriti dan T1 pernah datang ke gereja.

[12] Kemudian SP11 dan SP12 telah pergi ke tempat di mana T1 bekerja iaitu di One City tempat yang sama si mati Emily bekerja. Di sana SP11 telah pergi ke control room security untuk berjumpa T1 tetapi diberitahu oleh pekerja di situ bahawa T1 tidak datang bekerja. Kemudian pekerja di situ menghubungi T1 dan memberitahu SP11 bahawa T1 memintanya datang ke rumah sewa T1 dan T1 menunggu SP11 di situ.

[13] SP11 bersama-sama SP12 telah pergi semula ke rumah sewa si mati dan mendapati T1 telah menunggu mereka. T2 turut berada di sana. SP11 dan SP12 telah bertanyakan kepada T1 manakah si mati William. T1 memberitahu si mati William dan si mati Emily yang dipanggilnya daddy dan mummy telah berpindah pada penghujung bulan Jun.

[14] SP11 bertanyakan T1 di mana si mati berpindah. T1 memberitahu si mati mahu berpindah ke rumah yang lebih luas dan murah. T1 juga menunjukkan kepada SP11 surat perjanjian yang menunjukkan si mati Emily telah membenarkan mereka menyewa di Kondominium Main Place tersebut.

[15] SP11 dan SP2 kemudian pulang ke rumah mereka. Bimbang akan keselamatan kedua-dua si mati, maka SP12 telah membuat laporan polis di Balai Polis Subang pada 26 Ogos 2019.

[16] Dalam pada itu pada hari sama 26 Ogos 2019 jam lebih kurang 5.30 petang seorang pekerja Syarikat Time DotCom, Moganachandran a/l Jagatheesen (SP9) semasa memeriksa kabel bawah tanah menghala ke Persimpangan Persiaran Klang dan Persiaran Kuala Selangor Seksyen 27 telah nampak sebuah beg pakaian yang dihinggapi lalat dengan bau busuk di dalam longkang. Terdapat kesan darah di atas lantai longkang dan nampak seperti mayat di dalam beg. SP9 lalu menghubungi 999.

[17] ASP Daniel Lee Abdullah (SP30) yang merupakan pegawai penyiasat yang bertugas pada hari itu telah dimaklumkan mengenai panggilan Mers 999. SP30 kemudian pergi ke tempat yang dimaklumkan bersama jurugambar (SP1) dan turut memaklumkan pasukan forensik dari IPK Selangor untuk bantuan.

[18] Di tempat kejadian ASP Kathiresh a/l Rajagopal (SP23) sebagai Pegawai Penyiasat tempat kejadian (forensik) telah mendapati dalam beg pakaian tersebut yang terdapat satu mayat wanita serta:

(i) 1 plastik beg hitam P43(18)(8);

(ii) sehelai kain cadar bercorak bunga-bungaan P43(19)(8);

(iii) 1 reben;

(iv) 1 cota besi di bawah kepala mayat;

(v) 1 cincin batu hijau bentuk mata di jari manis kiri mayat; dan

(vi) gelang halus warna silver.

[19] Mayat wanita berserta beg itu kemudian dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang untuk bedah siasat.

[20] Pada 27 Ogos 2019 mayat wanita tersebut telah dibedah siasat oleh Dr Ayuthimasery (SP16). Hasil pemeriksaan luaran, SP16 mendapati:

(i) si mati telah dibalut dengan sehelai cadar bergetah dan di atas cadar tersebut dililit dengan plastik hitam di bahagian kepala dan telah dimasukkan di dalam sebuah bagasi;

(ii) si mati diletakkan dalam keadaan seperti bayi dalam kandungan (foetal position) dan dalam keadaan mengiring di atas bahu kanan;

(iii) si mati telah mengalami tanda-tanda pereputan awal dan ulat berengga berbagai peringkat ditemui di atas dan di dalam bagasi;

(iv) si mati mengalami sembilan kumpulan kecederaan pada seluruh badan iaitu:

(a) satu luka hiris pada belakang;

(b) satu luka koyak pada sisi kepala sebelah kanan;

(c) satu kumpulan kecederaan yang terdiri daripada lima luka hiris pada bahagian hadapan dan kanan leher;

(d) satu luka hiris pada sisi pergelangan tangan kanan;

(e) satu luka tikam pada dada kanan yang telah menembusi paru-paru kanan;

(f) satu kumpulan kecederaan yang terdiri daripada dua luka tikam dan satu luka hiris pada tengah-tengah dada di mana salah satu luka tikam tersebut telah menembusi terus (through and through) jantung sebelah kanan;

(g) satu kumpulan kecederaan yang terdiri daripada empat luka tikam pada rusuk kanan di mana luka-luka tikam tersebut menunjukkan satu hujung tajam dan satu hujung membulat bertentangan dengannya; dan

(h) satu luka tikam mengiring pada kawasan ulu hati.

[21] Hasil bedah siasat, SP16 mengesahkan punca kematian si mati adalah luka-luka tikam di abdomen dan kecederaan ini adalah "fatal" serta pada lazimnya boleh membawa maut kepada si mati.

[22] Pada 28 Ogos 2019, SP30 telah membuat permohonan ke Pusat Pendaftaran Penjenayah, Bukit Aman untuk mengesan identiti mayat. Pemeriksa Cap Jari Rabidin Mohd Zin (SP17) mendapati rakaman cap jari si mati di Borang RJ 2C tidak dapat dikesan dengan rekod jenayah tetapi dikesan dengan rekod Jabatan Pendaftaran Negara atas nama Tan Siew Mee KPT 671007 02 5866. Mayat si mati telah turut dicamkan oleh kakaknya

iaitu SP6 – Siew Mee atau dengan panggilan Emily.

[23] Berdasarkan maklumat, pada hari yang sama lnspektor Mohd Ridzuan bin Rosian (SP19) bersama pasukannya telah pergi ke rumah si mati. SP19 mendapati tiada sesiapa di rumah si mati. Hasil pemeriksaan SP19 mendapati pintu bilik utama berkunci dan setelah dipecahkan SP19 menjumpai dua passport atas nama Rajyashree No R1474577 dan Harwider Singh P4280241.

[24] Pada 29 Ogos 2019 ASP Anizam bin Husin (SP20) telah membuat tangkapan terhadap T2. Hasil siasatan terhadap dan maklumat diberi oleh T2, SP20 dan pasukannya telah dipandu arah oleh T2 ke pondok pengawal perumahan USJ 16, Subang Jaya. Di situ T2 telah menunjukkan kepada SP20 sebuah motosikal jenis Honda EX5 bernombor pendaftaran BEU 1351 di tepi pondok pos pengawal. Pemeriksaan di pondok pengawal dan setelah ditunjukkan oleh T2, SP20 telah menjumpai sebuah beg warna kelabu bertulis Polo Banker (P75) yang di dalamnya terdapat:

(i) satu sarung pisau kain warna hitam tertulis GERBER [P43 (35)(8)]; dan

(ii) satu bilah pisau lipat berhulu plastik warna kelabu oren bertulis Gerber Bear Gry/1 [P43(35)(a)].

[25] Pada hari yang sama jam lebih kurang 2 petang SP19 dan pasukannya telah membuat tangkapan terhadap T1. Hasil soal siasat ke atas dan dipandu arah oleh T1, SP19 dan pasukannya telah dibawa ke satu longkang di tepi Jalan Putra Bastari 2, Putra Height. Disitu SP19 telah menemui sebuah beg bagasi warna ungu. SP19 telah menghubungi dan memaklumkan mengenai penemuan beg tersebut kepada SP30. SP30 dan pasukan forensik yang diketuai oleh SP28 sampai di tempat kejadian. Sementara itu SP20 telah membawa bersama T2 ke tempat kejadian.

[26] Hasil pemeriksaan SP28 di tempat kejadian itu mendapati di dalam longkang satu objek warna hitam dipercayai komponen motorkar [P48(2)(a)], satu beg pakaian warna ungu jenama VOLUNTEER [(P49(1)(a)(i)] dan satu mayat lelaki memakai baju warna hitam serta berseluar pendek ungu bercorak bunga di dalam beg tersebut. Semua barang yang dikutip diserahkan pada SP30. SP30 kemudiannya mengarahkan mayat berserta beg tersebut dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah bagi tujuan bedah siasat.

[27] Kedua-dua tertuduh kemudian telah dipandu arah pasukan SP19, pasukan SP20, SP30 serta pasukan forensik ke kawasan semak di tepi Jalan Leburaya Damansara Puchong susur masuk ke arah Putra Height di mana T1 telah menunjukkan barangan peribadi milik si mati yang berada dalam beg pakaian yang dibuangnya. Hasil pemeriksaan pegawai forensik SP28 telah menemui:

(i) sampul berisi sehelai baju T-shirt kolar bulat warna kuning berkesan darah jenama 'VSQUARED' saiz 'XXL' ditanda No.9;

(ii) satu beg pakaian jenis kain warna coklat jenama 'RICARDO' berzip

ditanda No. 10;

(iii) sampul berisi sepasang kasut warna hitam jenama 'LARRIE' ditanda No. 11;

(iv) sampul berisi sepasang kasut kain warna biru/putih jenama 'AMPORLO' ditanda No. 12;

(v) sampul berisi sehelai kain warna hijau/kuning ditanda No. 13;

(vi) sampul berisi sehelai kain warna hijau/oren ditanda No. 14;

(vii) sampul berisi sehelai kain skirt warna merah/hitam ditanda no.15;

(viii) sampul berisi satu baju dalam warna coklat ditanda No. 16;

(ix) sampul berisi satu baju dalam warna hitam ditanda No. 17;

(x) sampul berisi sehelai baju warna biru lengan panjang ditanda No. 18;

(xi) sampul berisi sehelai seluar jeans panjang warna biru jenama 'PUMA' saiz 34 beserta tali pinggang warna hitam ditanda No. 19;

(xii) sampul berisi sehelai seluar jeans panjang warna biru jenama 'LONA JEANS' ditanda No. 20;

(xiii) sampul berisi sehelai baju kemeja warna biru/kuning/putih jenama 'BRUTINI FORTE' ditanda No. 21;

(xiv) sampul berisi sehelai seluar dalam wanita warna krim ditanda No. 22;

(xv) sampul berisi tiga buah buku pelbagai jenis ditanda No. 23; dan

(xvi) sampul berisi swabbing peluh ditanda No. 10A.

[28] Pada hari yang sama juga jam lebih kurang 9.50 malam P19 dan T1 bersama dengan SP28 dan pasukan forensiknya telah pergi dan sampai di rumah si mati. T1 kemudian menunjukkan bilik pertama sebagai bilik tidurnya yang dikongsi bersama dengan adiknya T2 dan bilik utama adalah bilik tidur kedua-dua si mati. SP28 dan pasukannya membuat pemeriksaan terhadap rumah tersebut dan mendapati serta mengutip:

(i) sebatang mop warna kuning/merah disyaki berkesan darah di ruang dapur rumah ditanda No. 24;

(ii) sebatang berus gigi warna biru/putih jenama 'Ainy' di dalam tandas ditanda No. 25;

(iii) sebatang berus gigi warna biru/putih jenama 'Oral-B' di dalam tandas ditanda No. 26;

(iv) pencukur warna hijau/putih jenama Shick di dalam tandas ditanda No. 27;

(v) sebatang pencukur warna biru jenama Gillette di dalam tandas ditanda

A ditanda No. 28;

(vi) sehelai seluar pendek warna kelabu/biru tergantung pada almari pakaian di dalam bilik tidur ditanda No. 29;

(vii) Swabbing kesan disyaki darah pada dinding di dalam bilik ditanda
B No. 30;

(viii) Swabbing kesan disyaki darah pada lantai di dalam biliki tidur ditanda No. 31;?

(ix) Swabbing peluh pada batang mop warna kuning/merah ditanda
C No. 24A;

(x) dua kesan cap jari pada cermin make-up di dalam bilik ditanda Fl & F2; dan

(xi) kesan cap jari pada pintu almari di dalam bilik ditanda F3.

D **[29]** Pada 30 Ogos 2019 lebih kurang jam 12.30 tengah malam, pasukan forensik yang diketuai oleh ASP Kamarul Hasnan (SP14) telah menjalankan siasatan kedua atas rumah si mati atas arahan SP30. SP14 telah mengambil barang kes:

(i) satu swab pada lantai bilik tidur utama ditanda No. 32;

E (ii) satu swab pada lantai tandas bilik tidur utama ditanda No. 33;

(iii) swabbing pada lantai tandas bilik tidur utama ditanda No. 34;

(iv) swabbing pada sinki bilik mandi bilik tidur utama ditanda No. 35;

F (v) satu swab pada saluran air tandas bilik tidur utama ditanda No. 36;

(vi) satu swab pada lantai tandas bilik tidur utama ditanda No. 37; dan

(vii) satu swab pada saluran air tempat mandi tandas bilik tidur utama ditanda No. 38.

G **[30]** Pada 30 Ogos 2019, SP16 telah menjalankan bedah siasat terhadap mayat lelaki tersebut yang telah dicamkan sebagai Lim Ah Kee @ Lim Kok Hoe (si mati William). Hasil pemeriksaan luaran, SP16 mendapati:

(i) si mati diletakkan dalam keadaan seperti bayi dalam kandungan (foetal position) dalam keadaan mengiring di atas bahu kanan;

H (ii) si mati telah mengalami tanda-tanda pereputan dan ulat berengga berbagai peringkat ditemui di atas dan di dalam bagasi;

(iii) terdapat satu parut pembedahan menegak yang telah sembuh pada tengah dada si mati (dikenal pasti ketika pengecaman oleh SP7);

I (iv) si mati mengalami empat kumpulan kecederaan pada seluruh badan iaitu:

(a) dua luka hiris pada bahagian hadapan leher;

(b) satu kumpulan kecederaan yang terdiri daripada lima luka tikam pada bahagian ulu hati;

(c) satu kumpulan kecederaan yang terdiri daripada dua luka tikam pada bahagian tengah abdomen; dan

(d) luka-luka tikam tersebut menunjukkan satu hujung tajam dan satu hujung membulat bertentangan dengannya.

[31] Pemeriksaan pada bahagian dada, SP16 mendapati terdapat luka tikam pada tulang rusuk kiri dan terdapat kesan pembedahan jantung (bypass). Pemeriksaan pada abdomen menunjukkan satu luka tikam pada sebelah kiri abdomen yang telah menghiris pada luaran perut dan terdapat dua luka tikam pada hati sebelah kiri, dan tiada kecederaan pada organ-organ lain. Selain daripada luka tikam pada tulang-tulang rusuk, tidak ada sebarang kecederaan lain pada tulang rangka. Semua organ telah menunjukkan tanda-tanda pereputan. Berdasarkan bedah siasat yang dilakukan, punca kematian SP1 ialah luka-luka tikam pada abdomen. Kecederaan tersebut adalah fatal dan pada lazimnya boleh membawa maut kepada si mati.

[32] Rakaman cap jari si mati William juga telah dihantar kepada pemeriksa cap jari (SP18) untuk dianalisa. SP18 mendapati rakaman cap jari tidak dapat dikesan dalam sistem rekod jenayah, namun ia dikesan dengan rekod di Jabatan Pendaftaran Negara bagi penama Ah Kee @ Lim Kok Hoe No. K/P: 400310-07-5271 (si mati William).

[33] Dalam pada itu saksi Haridass a/l Munusamy (SP13) mengatakan bahawa pada 23 Ogos 2019 beliau telah dihubungi oleh T2 meminta khidmat Grab SP13 dan meminta SP13 pergi ke Main Place. Menurut SP13 bahawa T1 dan T2 telah membawa masuk satu beg ke dalam bonet belakang kereta sehingga menyebabkan keretanya bergegar. Kemudian T1 dan T2 memintanya membawa mereka Cyberjaya. Selepas itu ke Kingsley International School dan kemudian ke Stesen LRT Putra Height. Akhirnya T1 dan T2 meminta SP13 menurunkan mereka di satu tempat yang SP13 melihat daripada papan tanda tertulis Putra Evenue. T1 telah turun bersama beg sementara T2 balik ke Main Place menaiki kereta SP13.

[34] Sementara itu saksi Ryandare Singh a/l Sukhdev Singh (SP22) mengatakan pada 28 Ogos 2019 T2 datang ke rumahnya minta kebenaran SP22 untuk tumpangkan satu beg besar dan satu beg galas dengan alasan T2 bertengkar dan tidak puas hati dengan tuan rumah di mana dia menyewa dan T2 hendak berpindah rumah.

Inti Pati Pertuduhan

[35] Mahkamah Tinggi telah menggariskan empat inti pati yang harus dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah seperti berikut:

A (i) seorang manusia telah mati;

(ii) si mati mati disebabkan bencana tubuh atau kecederaan yang dialaminya;

(iii) bencana tubuh atau kecederaan atas si mati dilakukan oleh tertuduh; dan

B (iv) tertuduh berniat untuk mendatangkan bencana tubuh atau kecederaan tubuh atas si mati yang cukup pada lazimnya menyebabkan kematian.

Dapatan HMT Di Akhir Kes Pendakwaan

Berhubung Intipati Pertama: Telah Dibuktikan Bahawa Tan Siew Mee Dan Lim
C *Ah Kee @ Lim Kok Hoe Telah Mati*

[36] Mayat si mati Emily atau Tan Siew Mee telah dicamkan oleh kakaknya iaitu SP6. SP17 juga mengesahkan rakaman cap jari si mati dapat dikesan dengan rekod Jabatan Pendaftaran Negara di atas nama Tan Siew Mee. Dengan itu pihak pendakwaan telah membuktikan mayat yang
D dijumpai di dalam beg warna gelap P50(1)(a)(ii) adalah merupakan Tan Siew Mee atau dikenali sebagai Emily.

[37] Mayat si mati William atau Lim Ah Kee @ Lim Kok Hoe telah dicamkan oleh SP7 melalui kesan pembedahan di dadanya dan kesan
E pembedahan itu turut dinyatakan oleh SP16. Selain itu, SP18 turut mengesahkan rakaman cap jari si mati dapat dikesan dengan rekod Jabatan Pendaftaran Negara di atas nama Lim Ah Kee @ Lim Kok Hoe. Dengan itu identiti mayat yang dijumpai di dalam beg ungu P49(1)(a)(i) adalah merupakan Lim Ah Kee @ Lim Kok Hoe atau dikenali sebagai William.

F *Berhubung Inti Pati Kedua: Simati William Dan Emily Telah Mati Akibat Kecederaan Atau Bencana Tubuh Yang Dialaminya*

[38] Mayat si mati William dan si mati Emily telah dibuat bedah siasat oleh SP16. SP16 mendapati punca kematian kedua-dua si mati adalah tikaman berganda pada abdomen. Menurut SP16 kecederaan itu cukup
G secara lazimnya menyebabkan si mati mati. Dengan ini ia membuktikan si mati William dan si mati Emily mati akibat kecederaan yang dialaminya.

Berhubung Inti Pati Ketiga: Bencana Tubuh Atau Kececederan Kedua-dua Si Mati Disebabkan Oleh Perbuatan T1 Dan T2

H **[39]** Tiada saksi mata melihat kejadian kedua-dua si mati dicederakan. Namun begitu mahkamah mendapati dari keterangan ikut keadaan menunjukkan satu konklusi yang kuat boleh dibuat bahawa T1 dan T2 merupakan orang yang menyebabkan kecederaan ke atas kedua-dua si mati.

[40] Mahkamah telah menilai keterangan dan mendapati keterangan ikut
I keadaan berikut telah dikemukakan:

(i) T1 dan T2 dilihat menarik beg berwarna ungu yang kemudian

dibuktikan melalui SP19, SP30 dan P28 bahawa beg tersebut mengandungi mayat yang dicam oleh SP7 sebagai si mati William;

(ii) SP13 telah mengecam T1 yang menarik beg diikuti bersamanya T2 sebagaimana yang ditunjukkan dalam rakaman CCTV (P41 dan P66) di kawasan parkir Main Place;

(iii) SP13 menyatakan bahawa ketika beg berwarna ungu dimasukkan oleh T1 dan T2 ke dalam bonet belakang keretanya, beliau terasa seperti keretanya bergegar yang menunjukkan kandungan beg yang berat;

(iv) SP13 atas permintaan T1 dan T2 bersama beg ungu telah membawa mereka seolah-olah berlegar-legar dari satu tempat ke satu tempat tanpa tujuan. Akhirnya diminta berhenti di tepi jalan kawasan Putra Evanue dan hanya T1 bersama beg diturunkan manakala T2 balik ke Main Place;

(iv) beg ungu kemudian telah ditunjukkan oleh T1 kepada SP19 dan mendapati di dalamnya ada mayat yang kemudiannya dicamkan sebagai si mati William oleh SP7;

(v) dari keterangan jiran si mati SP8 dan sahabat kedua-dua si mati iaitu SP10, SP11 dan SP12 bahawa tiada orang lain kecuali T1 dan T2 tinggal bersama si mati;

(vi) T1 berbohong kepada SP11 dan SP12 bahawa si mati telah berpindah rumah;

(vii) T1 dan T2 juga telah menunjukkan beg pakaian kedua-dua si mati kepada pihak polis dan juga bantal yang dijumpai dalam beg mempunyai kesan darah;

(viii) T1 dan T2 dilihat menarik beg warna gelap P50(1)(a) melalui rakaman CCTV di kawasan parkir di Main Places (P66);

(ix) T2 menunjukkan kepada SP20 sebuah beg Polo Banker yang mengandungi pisau [P43(35)(a)] yang mempunyai kesan darah si mati Emily. SP16 telah mengambil spesimen tulang si mati Emily ditandakan M (P56) dan analisa SP15 mendapati profil DNA perempuan dari kesatan darah di pisau, baju T dan seluar dalam perempuan yang berpadanan dengan DNA yang diperolehi dari spesimen tulang bertanda M;

(x) T1 dan T2 telah menunjukkan barang-barang peribadi kedua-dua si mati kepada SP19 di satu kawasan semak di mana terdapat kesan darah si mati Emily pada baju T P52(1)(a), seluar dalam perempuan [P52(13)(a)] dan bantal pada P51(b);

(xi) T2 keluar dari rumah si mati sebaik saja kedua-dua si mati didapati

tidak dijumpai oleh SP10, SP11 dan SP12 dan T2 membawa beg dan disimpan di rumah SP22;

(xii) T2 berbohong dan memberi alasan yang berbeza dengan T1 mengenai si mati kepada SP22 dengan mengatakan T2 bertengkar dan tidak puas hati dengan kedua-dua si mati dan T2 ingin berpindah rumah; dan

(xiii) cota dijumpai bersama beg P50(1)(a)(ii) yang mana kedua-dua tertuduh adalah bekerja sebagai pengawal keselamatan.

[41] Dengan itu, Mahkamah Tinggi telah menyimpulkan bahawa tiada orang lain ada bersama kedua-dua si mati di rumah kejadian kecuali T1 dan T2. Walaupun SP19 semasa membuat peperiksaan di rumah si mati menjumpai passport Rajyashree dan Harwinder Singh (warganegara India) di dalam bilik utama, tidak bermakna kedua-dua penama merupakan orang yang menyebabkan kematian ke atas kedua-dua si mati. Tidak ada apa-apa keterangan pun yang menunjukkan kedua-dua penama tinggal di rumah si mati dan terlibat dengan pembunuhan ke atas kedua-dua si mati itu. Dengan disokong secara komulatif keterangan ikut keadaan menunjukkan T1 dan T2 merupakan orang yang mendatangkan kecederaan terhadap si mati William dan si mati Emily.

Berhubung Inti Pati Keempat: Tertuduh Berniat Untuk Mendatangkan Bencana Atau Kecederaan Tubuh Ke Atas Si Mati Yang Bencana Tubuh Itu Cukup Pada Lazimnya Menyebabkan Kematian

[42] Bencana tubuh atau kecederaan atas si mati William dan si mati Emily dijelaskan oleh SP16 yang menjalankan bedah siasat. SP16 mendapati sembilan kumpulan kecederaan ke atas si mati Emily yang merupakan luka hiris dan luka tikaman di bahagian belakang, kepala, leher, pergelangan tangan, dada yang menembusi paru-paru, dua luka tikaman di bahagian tengah-tengah dada yang menembusi jantung sebelah kanan, empat luka tikaman di bahagian rusuk, enam luka tikaman di bahagian abdomen kanan dan tikaman di bahagian ulu hati. Dari pemeriksaan dalam mayat si mati Emily, SP16 mendapati pada bahagian abdomen menunjukkan terdapat sepuluh luka tikaman pada hati sebelah kanan.

[43] Bagi mayat si mati William SP16 mendapati empat kumpulan kecederaan yang merupakan luka hiris dan luka tikam di bahagian hadapan leher dua luka kiri, di bahagian ulu hati lima luka tikaman, dan di bahagian tengah abdomen dua luka tikam.

[44] Luka-luka tikaman di bahagian abdomen ke atas kedua-dua si mati itu adalah fatal yang boleh menyebabkan pendarahan yang banyak dan boleh menyebabkan kematian serta merta. Kecederaan yang dialami oleh kedua-dua si mati itu boleh disebabkan objek tajam seperti pisau, parang dan pedang. Pisau P43(35)(a) menurut SP16 boleh menyebabkan kecederaan ke

atas kedua-dua si mati. Kecederaan luka tikam di bahagian abdomen ini dalam keadaan lazimnya cukup menyebabkan kematian ke atas kedua-dua si mati.

[45] Dari sifat dan bilangan tikaman yang banyak yang dilakukan ke atas si mati William dan si mati Emily, serta kecederaan dikenakan di bahagian yang fatal dan dengan cara memasukkan mayat kedua-dua si mati dalam dua beg yang berasingan dan dibuang di satu tempat yang lain menunjukkan T1 dan T2 berniat untuk mencederakan kedua-dua si mati. Dari sifat kecederaan di bahagian abdomen yang pada lazimnya boleh menyebabkan kematian ke atas kedua-dua si mati itu merupakan satu perbuatan membunuh. Oleh itu mahkamah ini mendapati T1 dan T2 telah sengaja membunuh si mati Wiliam dan si mati Emily.

Niat Bersama

[46] Niat bersama kedua-dua tertuduh boleh dilihat dari perlakuan T1 dan T2 yang membawa beg ungu dan beg warna gelap yang masing-masing mengandungi mayat si mati William dan si mati Emily, sikap berbohong T1 dan T2 kepada SP10, SP11, SP12 serta SP22 mengenai kedua-dua si mati, kedua-dua tertuduh merupakan orang yang tinggal bersama si mati dan tingkah laku pandu arah T1 dan T2 kepada penemuan beg dan barang peribadi serta pisau yang merupakan senjata digunakan menikam kedua-dua si mati yang menunjukkan peranan aktif kedua-dua tertuduh membunuh si mati merupakan perkara dan perbuatan yang menunjukkan kedua-dua tertuduh telah dalam mencapai niat bersama mereka membunuh kedua-dua si mati.

[47] Dengan itu setelah meneliti secara maksimum keterangan saksi pihak pendakwaan yang kredibel, Mahkamah Tinggi dapati pihak pendakwaan telah berjaya mengemukakan satu kes *prima facie* terhadap T1 dan T2 atas kedua-dua tuduhan membunuh itu. Dengan itu, T1 dan T2 dipanggil membela diri.

Kes Pembelaan

[48] Di peringkat pembelaan, kedua-dua T1 dan T2 telah memberi keterangan secara bersumpah dengan mengemukakan peryataan saksi.

[49] Menurut T1 dan T2 bahawa mereka datang ke Malaysia dengan pertolongan Puneet. Puneet telah mencarikan T1 dan T2 pekerjaan sebagai pengawal di One City, USJ 16. Di samping bekerja sebagai pengawal di sebelah siang, T1 juga bekerja sambilan sebagai pengawal di kuil Kali.

[50] Puneet juga menyediakan tempat tinggal T1 dan T2 di rumah si mati. T1 dan T2 tinggal di bilik kedua dan di bilik ketiga didiami oleh Puneet, Rajyashee dan Harwinder. Sementara bilik utama didiami oleh si mati William yang dipanggil daddy dan si mati Emily yang dipanggil mummy.

Rajyashee dan Harwinder datang ke rumah tersebut dua kali seminggu. Sementara Puneet datang lebih dari dua kali seminggu bersama teman wanitanya.

[51] Hubungan T1 dan T2 dengan kedua-dua si mati baik dan amat rapat. Kedua-dua si mati ada memberitahu pada T1 bahawa mereka tidak suka Puneet membawa masuk teman wanitanya ke rumah tersebut. T1 dan T2 tidak berani memberitahu Puneet perkara tersebut kerana Puneet adalah bos mereka dan pernah memberi amaran supaya jangan campur tangan dalam hal peribadinya, jika tidak Puneet akan mengeluarkan mereka dari rumah itu dan memberhentikan mereka kerja dan akan melaporkan mereka ke pihak Imigresen.

[52] Kira-kira lima atau tujuh hari sebelum T1 ditangkap, ketika T1 bertugas di kuil Kali, Puneet telah meminta T1 pergi mengambil beg pakaian di rumah si mati dan membawanya ke stesen LRT Putra. T1 balik ke rumah itu dan mendapati tiada siapa di rumah dan ada sebuah beg pakaian. Memandangkan T1 tidak mempunyai kenderaan, Puneet telah meminta T1 mendapatkan khidmat Grab. T1 telah menghubungi T2 di tempat kerjanya dan T2 telah mendapatkan Grab pergi mengambil T1 yang menunggu di rumah si mati. T1 dan T2 telah membawa beg pakaian tersebut ke dalam Grab dan pergi ke stesen LRT Putra. Sampai di sana T1 telah menghubungi Puneet dan Puneet memintanya untuk membawa ke kuil Kali kerana beliau tidak dapat pergi ke stesen itu. Sampai di kuil Kali, T1 telah menyimpan beg pakaian itu di kuil tersebut. T1 kemudian meneruskan tugasnya di kuil itu. Sementara itu T2 balik semula ke rumah si mati. Puneet datang ke kuil kira-kira jam 1 pagi mengambil beg pakaian itu dari T1.

[53] Keesokan harinya di tempat kerja, T1 bertanya Puneet kenapa beliau memintanya mengambil beg pakaian tersebut dan apa yang ada di dalam beg itu serta bertanyakan di mana kedua-dua si mati. Puneet memberitahu T1 supaya jangan bertanya apa-apa dan Puneet telah memberikan T1 satu dokumen dan memberitahu T1 bahawa sekiranya sesiapa bertanyakan kedua-dua si mati, T1 hendaklah memberitahu bahawa mereka telah berpindah dari rumah itu dan T1 telah mengambil alih sewaan rumah itu. T1 telah memberitahu perkara sama kepada SP11 dan SP12 semasa mereka datang ke rumah itu bertanyakan si mati.

[54] Pada 27 Ogos 2019 Puneet telah meminta T1 datang ke kuil Kali. Kedua-dua tertuduh telah berjumpa Puneet di kuil Kali. Di situ Puneet memberitahu T1 dan T2 untuk berpindah dari rumah Main Place itu kerana Puneet telah menguruskan T1 dan T2 untuk tinggal di D Shafe's Hostel di Kemuning. Puneet meminta T1 memaklumkan pada T2 bahawa dalam tempoh dua hari Mohsin akan mengambil T2 untuk ke hotel dan meminta T2 untuk mengemas barangnya. Sementara itu, Puneet mengarahkan T2 untuk tinggal di tempat kerja di USJ 16. Puneet telah membawa T1 ke hotel

tersebut. Pada masa yang sama T2 telah menghubungi Ryan dan meminta kebenarannya untuk menyimpan beg T2 di rumah beliau. Ryan bersetuju dengan T2. Kemudian T2 tinggal sementara di tempat kerjanya. Keesokan harinya Mohsin datang mengambil T2 dan membawa ke hostel.

[55] Pada 29 Ogos 2019, Puneet datang ke hostel mengambil T1 kerana bosnya Hardeep hendak berjumpa T1. T1 menaiki kereta yang dipandu oleh Puneet dan Hardeep di bahagian belakang sementara T1 duduk di bahagian belakang. Kereta mereka kemudian ditahan oleh pasukan polis dan menahan T1. T1 dipukul dan dibawa ke USJ 16 dalam satu kereta lain dengan mengekori kereta yang dipandu oleh Puneet. Di pos pengawal USJ 16, polis telah mengambil satu beg dan sebilah pisau. Di situ terdapat juga Puneet, Gurmel dan beberapa orang lain. Kemudian kereta yang membawa T1 dan kereta yang dipandu oleh Puneet pergi ke dua lokasi lain. Beberapa ketika selepas itu polis membawa T1 dan T2 ke satu longkang. Di situ polis telah memaksa T1 dan T2 untuk menunjukkan beg. Apabila beg dibuka, T1 dan T2 terkejut apabila melihat di dalamnya terdapat mayat. T1 dan T2 kemudian dibawa ke balai polis.

Dapatan HMT Di Akhir Kes Pembelaan

[56] Di peringkat penghujung perbicaran HMT telah membuat penilaian ke atas semua keterangan untuk memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah sebagaimana ditetapkan di bawah s. 182A Kanun Tatacara Jenayah.

[57] HMT telah menimbangkan semua keterangan yang dikemukakan. Versi pembelaan, T1 dan T2 menafikan terlibat melakukan pembunuhan atas kedua-dua si mati. Sebaliknya meletakkan orang yang terlibat dan mengetahui akan pembunuhan itu ke atas bos di tempat di mana T1 dan T2 bekerja iaitu Puneet. Puneet adalah seorang pegawai operasi syarikat pengawal keselamatan G Safe Force Sdn Bhd yang mana SP6 merupakan Pengurus Besar syarikat tersebut. SP29 telah merakamkan percakapan Puneet pada 2 September 2019 dan telah dikemukakan sebagai ID92. Puneet sekarang menurut T1 berada di penjara India kerana kesalahan menembak polis. Pihak pembelaan mengemukakan D108 iaitu afidavit abang kepada mangsa yang dikatakan ditembak oleh Puneet di India dan dokumen berkaitan kes *Puneet* itu IDD 107, 106 dan 105. Pengemukaan dokumen ini bagi menunjukkan dan menyokong cerita T1 dan T2 bahawa Puneet merupakan seorang yang biasa melakukan jenayah bunuh.

[58] Setelah meneliti kesemua keterangan ini, HMT mendapati bahawa versi T1 dan T2 mengenai Puneet dan kaitannya dengan beg yang mengandungi mayat si mati William dan si mati Emily serta kaitannya dengan kedua-dua si mati hanya timbul semasa kedua-dua T1 dan T2 memberi keterangan. Semasa pihak pendakwaan membentangkan kes ini, penama Puneet ini ditimbulkan oleh pihak pendakwaan melalui saksi SP26

bagi menunjukkan bahawa Puneet ada memberitahu SP26 yang T1 memberitahunya bahawa T1 telah melakukan kesalahan besar dan bagaimana Puneet membantu polis bagi menahan T1. Pihak pembelaan tidak pernah membangkitkan apa-apa mengenai kaitan Puneet dengan kes pembunuhan ini. Begitu juga versi-versi lain T1 dan T2 yang tidak ditimbulkan baik semasa SP8, SP10, SP11, SP12, SP13, SP20, SP21 dan SP22 memberi keterangan.

[59] Perkara-perkara mengenai peranan Puneet bekaitan beg-beg tersebut dan kaitannya dengan tempat tinggal si mati dan versi lain T1 dan T2 yang hanya ditimbulkan semasa memberi keterangan adalah:

(i) T1 bekerja sambilan di kuil Kali;

(ii) mengenai Puneet dan teman wanitanya tinggal menyewa di rumah si mati;

(iii) perkara mengenai Puneet sering mengugut T1 dan T2;

(iv) bilik ketiga yang dihuni oleh Puneet dan teman wanitanya dan hanya beberapa kali datang ke bilik itu dalam seminggu dan turut dihuni oleh Rayjashree dan Harinder yang juga datang sesekali dalam seminggu;

(v) rasa tidak senang kedua-dua si mati dengan perbuatan Puneet yang membawa teman wanitanya ke rumah si mati;

(vi) perkara Puneet memberikan T1 satu dokumen dan meminta T1 memberitahu kepada SP11 dan SP12 bahawa kedua-dua si mati telah berpindah rumah dan T1 telah mengambil alih menyewa rumah tersebut;

(vii) Puneet meminta T1 dan T2 mengambil beg dirumah si mati dan membawanya ke stesen LRT dan kemudian membawa dan disimpan di kuil Kali sebelum diserahkan kepada Puneet; dan

(viii) mengenai Hardeep bersama-sama Puneet membawa T1 dalam kereta ke satu tempat sehingga ditahan polis.

[60] HMT mendapati bahawa ini merupakan fakta baru yang difikirkan kemudian oleh kedua-dua tertuduh. Mahkamah dalam menilai penceritaan kedua-dua tertuduh mendapati fakta-fakta ini penting dalam jalur pembelaannya. Perkara sepenting ini seharus dibangkitkan melalui saksi-saksi pendakwaan agar mahkamah dapat menentukan penceritaan siapa yang lebih benar. Dari itu versi pembelaan T1 dan T2 yang bersifat difikirkan semula ini mahkamah dapati saksi-saksi pihak pendakwaan lebih dipercayai. Penceritaan tertuduh ini merupakan satu rekaan yang difikirkan kemudian.

[61] Saksi SP8 yang merupakan jiran kedua-dua si mati mengesahkan hanya T1 dan T2 tinggal bersama si mati tiada orang lain. Malah melalui SP8 tidak

pernah dibangkitkan mengenai Puneet, Rajashree dan Harwider turut menyewa di rumah si mati. SP10, SP11 dan SP12 yang sedia mengetahui T1 dan T2 tinggal bersama kedua-dua si mati tidak pernah dipersoalkan bahawa ada orang lain juga tinggal di rumah tersebut.

[62] Selain itu penceritaan T1 dan T2 mengenai beg yang dibawa di dalam satu kereta Grab dan dibawa ke stesen LRT sehingga ke kuil Kali agak bercanggah dengan penceritaan SP13. Malah versi SP13 juga tidak pernah dicabar. T1 dan T2 dalam penceritaan mengatakan bahawa:

Dari Penceritaan T1:

(i) T1 mengatakan dia menghubungi T2 yang masih lagi di tempat kerjanya untuk mendapatkan khidmat Grab;

(ii) pukul 10 malam T2 sampai di rumah si mati dan memberitahu T1 bahawa Grab menunggu;

(iii) Grab membawa T1 dan T2 ke stesen LRT Putra;

(iv) apabila sampai di LRT Putra T1 menghubungi Puneet menyatakan mereka telah sampai di LRT Putra;

(v) Puneet tidak dapat datang dan mengarahkan T1 membawa beg itu ke kuil Kali;

(vi) Grab membawa mereka ke kuil Kali dan T1 menyimpan beg dikuil itu; dan?

(vii) T1 terus menyambung tugas dikuil itu sementara T2 balik ke rumah si mati dengan Grab yang sama.

Dari penceritaan T2:

(i) T1 menghubungi T2 di tempat kerjanya meminta T2 mendapatkan khidmat Grab;

(ii) T2 mendapatkan khimat Grab sahabatnya Haei (SP13);

(iii) T2 sampai di rumah si mati jam 10 malam;

(iv) dengan Grab T2 dan T1 bawa beg ke LRT Putra;

(v) sampai di LRT Putra, T1 menghubungi Puneet tapi Puneet tidak dapat datang;

(vi) kemudian Grab pergi ke kuil Kali di mana beg disimpan di sana; dan

(vii) T2 kemudian balik ke rumah si mati bersama Grab yang sama sementara T1 teruskan bertugas di kuil itu.

[63] Penceritaan T1 dan T2 ini amat berbeza daripada apa yang diceritakan oleh SP13. Dalam penceritaan SP13 menyatakan bahawa:

(i) pada 23 Ogos 2019 T2 menghubunginya untuk dapatkan khimat

A Grabnya dan meminta SP13 datang ke rumah si mati di Main Place;

(ii) apabila sampai di Main Place, SP13 tidak dapat masuk kerana Touch n Go nya tidak mencukupi, kemudian T1 dan T2 datang bersama satu beg dan pergi ke kereta SP13;

B (iii) T1 dan T2 masukkan beg dalam bonet belakang dan bonet bergegar;

(iv) T1 dan T2 mula-mula meminta SP13 membawa mereka ke Cyberjaya. SP13 memberitahu petrol tak cukup;

(v) kemudian T1 dan T2 arahkah SP13 pergi ke stesen LRT berdekatan;

C (vi) sampai di LRT Putra Height T1 dan T2 turun dari kereta dan naik ke atas stesen. SP13 menunggu mereka;

(vii) T1 dan T2 datang balik dan meminta SP13 membawa mereka ke Kingsley International School, Bukit Chermin Putra Height;

D (viii) sampai di Kingsley International School, didapati pagar dan sekolah tutup;

(ix) T2 minta SP13 buat pusingan U dan melepasi lampu isyarat dan sampai di satu tempat yang dilihat dari satu papan tanda tertulis Putra Avenue. Di situ T1 dan T2 telah turun dari kereta dan mengambil
E keluar beg dari bonet belakang; dan

(x) T1 berdiri di sebelah beg manakala T2 masuk semula dalam kereta dan meminta SP13 hantar T2 ke Main Place. Tetapi T2 telah minta diturunkan apabila sampai di simpang HICOM.

F **[64]** Perbezaan cerita antara SP13 dan T1 serta T2 amat ketara. Dari versi SP13 menggambarkan bahawa T1 dan T2 tercari-cari di mana tempat untuk mereka pergi dan membawa beg tersebut. Cerita SP13 menunjukkan T1 dan T2 membawa beg bukan atas arahan dan untuk diserahkan kepada Puneet serta bukan juga untuk ke kuil Kali bagi menyimpan beg di situ. T1 tidak pernah menghubungi Puneet dari dalam kereta SP13. Sebaliknya T1 dan T2
G keluar dari kereta pergi ke bahagian atas stesen LRT seolah-olah mencari sesuatu. T1 dan T2 tidak dari rumah pergi terus ke Stesen LRT Putra sebaliknya berlegar-legar ke tempat lain sebelum ke LRT.

[65] Seterusnya, penceritaan SP13 menunjukkan T1 dan T2 sentiasa berada
H di Main Place sebelum SP13 sampai di situ mengambil mereka. Sebaliknya penceritaan T1 dan T2 menunjukkan T2 berada di tempat kerjanya dan menghubungi SP13 untuk mendapatkan khidmatnya dan dari situ T2 pergi ke Main Place menaiki kereta SP13 sementara T1 menunggu di rumah.

[66] Penceritaan SP13 tidak dicabar. Berbeza dengan keterangan T1 dan T2
I yang dicabar. Maka, Mahkamah Tinggi mempercayai keterangan SP13. Dari keterangan T1 dan T2 yang difikirkan kemudian dan dengan keterangan

SP13 yang tidak dicabar, mahkamah ini tidak dapat menerima keterangan T1 dan T2 mengenai Puneet yang menyuruh T1 dan T2 untuk menghantar beg itu kepadanya. Sebaliknya mahkamah ini mendapati T1 dan T2 telah memasukkan mayat si mati di dalam beg itu dan mencampaknya di tempat di mana beg itu ditemui.

[67] HMT mendapati bahawa cerita T1 dan T2 hanya semata-mata menafikan terlibat dengan pembunuhan itu tanpa penjelasan yang munasabah. Dalam kes ini, dari keterangan saksi pihak pendakwan SP9, SP30, SP23, SP19 dan SP28 menunjukkan terdapat dua beg ditemui yang masing-masingnya mengandungi mayat si mati William dan si mati Emily. Namun begitu T1 dan T2 dalam penceritaan gagal menjelaskan mengenai satu lagi beg. T1 dan T2 juga tidak menjelaskan akan penemuan hasil pandu arah T1 dan T2, barang-barang milik si mati yang berada dalam satu beg pakaian di satu kawasan semak di tepi jalan Lebuhraya Damansara Puchong. Di samping itu, terdapat keterangan dari saksi-saksi terutamanya pandu arah T1 dan T2 terhadap beg yang berisi mayat si mati Emily, pisau yang digunakan untuk menikam si mati, perbuatan T1 dan T2 berbohong kepada SP11 dan SP12 yang mengatakan si mati telah berpindah rumah, tindakan T2 meninggalkan beg pakaiannya di rumah SP22 dan berbohong dengan SP22 dengan mengatakan T2 ada bertengkar dengan tuan rumah (si mati) dan T2 hendak berpindah rumah. Kesemuanya ini gagal dijelaskan oleh T1 dan T2. Mahkamah mendapati pembelaan T1 dan T2 ini hanya penafian semata-mata. Keterangan pihak pendakwaan itu menunjukkan secara jelas akan penglibatan T1 dan T2 sebagai orang yang telah menyebabkan kematian kedua-dua si mati.

[68] Kewujudan penama Puneet dan peranannya dalam penceritan T1 dan T2 ini hanya semata-mata melemparkan kesalahan kepadanya sedangkan pegawai penyiasat SP30 sendiri menyatakan tidak nampak kelibat Puneet di dalam rakaman CCTV yang terakam pada hari kejadian. Begitu juga sama ada Puneet terlibat dengan kes di India juga tidak dapat dipastikan memandangkan mereka yang menceritakan mengenai hal Puneet di India tidak dapat datang untuk menjelaskan perkara sebenar untuk memberi kepastian kepada mahkamah ini. SP8, SP10, SP11 dan SP12 juga tidak pernah memberitahu Puneet tinggal bersama si mati dan T1 serta T2.

[69] Secara keseluruhannya, HMT mendapati versi pembelaan T1 dan T2 tidak dapat menimbulkan keraguan yang munasabah atas kes pihak pendakwaan. Keterangan-keterangan saksi pendakwaan yang kredibel itu dan dari keterangan ikut keadaan yang hanya menjurus kepada satu konklusi melampaui keraguan yang munasabah bahawa T1 dan T2 adalah orang yang membunuh si mati William dan si mati Emily.

Keputusan Hakim Mahkamah Tinggi

[70] T1 dan T2 seterusnya didapati bersalah dan disabitkan dengan kedua-dua pertuduhan membunuh yang dihadapi mereka dan dijatuhkan hukuman gantung hingga mati.

Hujahan Perayu

[71] Di peringkat perbicaraan rayuan di hadapan kami, peguambela T1 dan T2 serta pihak Timbalan Pendakwa Raya telah mengemukakan hujah bertulis.

Hujah Bertulis Perayu

[72] Berikut adalah ringkasan isu yang ditimbulkan di dalam hujah bertulis bagi pihak T1 dan T2:

(i) bahawa HMT telah terkhilaf dalam menerima masuk keterangan di bawah s. 27 Akta Keterangan bagi menyabitkan T1 dan T2 dengan kesalahan yang dipertuduh;

(ii) bahawa HMT telah khilaf dalam kegagalan untuk membangkitkan anggapan bertentangan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan dengan kegagalan pihak pendakwaan memanggil atau menawarkan saksi saksi yang penting, membuat dapatan bahawa pembelaan perayu merupakan satu pembelaan 'afterthought' dan sama ada SP30 telah gagal membuat siasatan yang rapi yang secara langsung memprejudiskan pembelaan kedua-dua perayu;

(iii) sama ada HMT telah gagal untuk menilai kebarangkalian wujudnya "statutory defence of sudden fight in the heat of passion upon a sudden quarrel"; dan

(iv) secara alternatif, bahawa hukuman alternatif seharusnya diberikan kepada kedua-dua perayu memandangkan kes ini tidak tergolong di bawah situasi fakta 'rarest of the rare'.

[73] Namun begitu, ketika pendengaran rayuan pada 4 November 2024, peguambela T1 dan T2 telah memaklumkan kami bahawa beliau telah diarahkan untuk tidak meneruskan hujahan berhubung isu (iii) dan (iv).

Hujah Berhubung Isu (i)

Sama Ada HMT Telah Khilaf Dalam Menerima Masuk Keterangan Di Bawah Seksyen 27 Akta Keterangan 1950

[74] Hujah peguam terpelajar T1 dan T2 pula telah dibahagikan seperti berikut:

(i) sama ada HMT telah gagal untuk meneliti prinsip undang undang memerlukan beberapa pembuktian melalui keterangan saksi sebelum keterangan di bawah s. 27 Akta Keterangan boleh diterima pakai dan

diberikan pergantungan;

(ii) sama ada HMT telah khilaf dalam memberikan pergantungan berlebihan terhadap keterangan di bawah s. 27 secara langsung memprejudiskan pembelaan kedua-dua perayu di mahkamah; dan

(iii) sama ada HMT telah menerima masuk keterangan pengakuan kedua-dua perayu tanpa menilai isu voluntariness di bawah s. 24 Akta Keterangan 1950.

Hujahan Perayu Berhubung Kes Pendakwaan Terhadap T1

[75] Bahawa SP19:

(a) tidak mengemukakan sebarang 'contemporaneous record' atau sebarang catatan bagi membuktikan dan mengesahkan sebarang maklumat yang telah diberikan oleh perayu pertama kepada beliau;

(b) gagal untuk menjelaskan apakah perkataan sebenar yang telah digunakan oleh perayu pertama yang membawa kepada penemuan beg yang mengandungi mayat tersebut;

(c) tidak menjelaskan apakah maklumat yang telah diberikan oleh perayu pertama yang membawa kepada penemuan beg tersebut;

(d) gagal untuk memberikan sebarang kata-kata amaran atau memaklumkan kepada perayu hak beliau untuk berdiam diri; dan

(e) bersetuju bahawa laporan polis eks. P68 hingga P71 tidak menyatakan bahawa sebarang kata-kata amaran telah diberikan kepada perayu sebelum maklumat tersebut telah dikatakan didedahkan oleh perayu pertama.

[76] Bersandarkan perkara-perkara yang dinyatakan di atas, pihak perayu menghujahkan bahawa HMT:

(i) telah gagal membuat penilaian berhubung perkara (a) hingga (c), mahupun memberikan sebarang pertimbangan dalam menentukan sama ada keterangan dan maklumat yang kononnya diberikan oleh T1 kepada SP19 boleh diterima masuk di bawah s. 27 Akta Keterangan; dan

(ii) gagal untuk menilai keterangan dan cabaran yang dikemukakan oleh T1 bahawa beliau telah dipukul dengan teruk oleh pihak polis bagi mendapatkan maklumat daripada beliau. Ini merupakan satu 'grave misdirection by way of none direction that had robbed the appellant of a right to a fair trial'.

Hujahan Perayu Berhubung Kes Pendakwaan Terhadap T2

[77] Berhubung keterangan yang dikemukakan terhadap T2 peguam terpelajar mengulangi hujahnya di perenggan [76] di atas dengan menyatakan

bahawa keterangan melalui SP20 juga:

(i) tidak mengemukakan sebarang 'contemporaneous record' atau sebarang catitan bagi membuktikan dan mengesahkan sebarang maklumat yang telah diberikan oleh perayu kedua kepada beliau;

(ii) gagal untuk menjelaskan apakah perkataan sebenar yang telah digunakan oleh perayu kedua yang membawa kepada penemuan beg di dalam satu pondok pengawal;

(iii) berserta SP30 tidak ada merakamkan percakapan pengawal yang bertugas di pondok tersebut bagi menutup kelompangan sama ada beliaulah (pengawal yang bertugas yang telah meletakkan beg tersebut di pondok atau beliaulah yang mempunyai kawalan, jagaan dan milikan kepada beg tersebut;

(iv) mengesahkan bahawa perayu kedua tidak faham Bahasa Melayu dan juga tidak adanya keterangan untuk menunjukkan apakah bahasa dan ayat yang digunakan oleh perayu kedua apabila beliau dikatakan memberikan maklumat kepada SP20;

(v) gagal untuk memberikan sebarang kata-kata amaran atau memaklumkan kepada perayu hak beliau untuk berdiam diri; dan

(vi) melalui laporan polis yang dibuat olehnya (SP20), SP20 tidak menyatakan bahawa sebarang kata-kata amaran telah diberikan kepada perayu sebelum maklumat tersebut telah dikatakan didedahkan oleh perayu pertama. Juga tidak adanya keterangan daripada SP19 dan SP20 yang menyatakan kedua-dua perayu diberikan hak untuk berdiam diri.

[78] Seterusnya, peguam T1 dan T2 berhujah bahawa, pada tahap tertinggi:

(i) HMT jikapun mempercayai keterangan SP19 dan SP20, tanpa pergantungan kepada s. 27 Akta keterangan, perbuatan T1 yang menunjukkan kepada kedua-dua beg manakala perbuatan T2 yang telah membawa kepada penemuan beg di pondok pengawal hanyalah merupakan keterangan di bawah s. 8 Akta Keterangan;

(ii) perbuatan T1 dan T2 menunjukkan pengetahuan perayu-perayu dan bukannya fakta atau keterangan kukuh bahawa perayu-perayu yang telah melakukan pembunuhan terhadap kedua-dua mangsa;

(iii) adalah ditekankan bahawa tidak wujud sebarang barang peribadi milik T2 ditemui di dalam beg tersebut;

(iv) isu-isu di atas telahpun diperjelaskan oleh T2 di dalam keterangan bersumpah beliau di mana beliau menjelaskan bahawa pihak polis yang telah membawa kepada lokasi di mana beg tersebut ditemui dan pihak polis yang meminta T2 untuk menunjukkan arah (lakonan semula) kepada tempat beg ditemui; dan

(v) T1 juga telah menjelaskan di dalam keterangan bersumpah beliau di

mana beliau menjelaskan bahawa pihak polis yang telah membawa kepada lokasi di mana beg tersebut ditemui dan pihak polis yang meminta T1 untuk menunjukkan arah (lakonan semula) kepada tempat beg ditemui.

Keterangan SP13

[79] Dari segi keterangan SP13 yang telah diambil kira oleh HMT untuk membuat dapatan satu kes *prima facie* terhadap T1 dan T2, SP13 hanya menyatakan bahawa T1 telah menarik dan membawa masuk satu beg berwarna ungu ke dalam kereta yang dipandu oleh SP13. Jikapun HMT menerima pakai keterangan ini, HMT telah gagal untuk menilai bahawa SP13 tidak mengecam dan tidak menyatakan bahawa beg tersebut adalah beg yang sama dikemukakan di mahkamah sebagai ekshibit yang membuktikan penemuan satu mayat mangsa.

Hujah Berhubung Isu (ii)

Sama ada HMT telah khilaf dalam kegagalan untuk membangkitkan anggapan bertentangan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan dengan kegagalan pihak pendakwaan memanggil atau menawarkan saksi-saksi yang penting, membuat dapatan bahawa pembelaan perayu merupakan pembelaan afterthought dan sama ada SP30 telah gagal membuat siasatan yang rapi yang secara langsung memprejudiskan pembelaan kedua-dua perayu.

[80] Hujah peguam terpelajar perayu-perayu berhubung isu-isu ini telah diterangkan dengan terperinci di dalam hujah bertulis yang telah dikemukakan kepada kami.

[81] Ketika pendengaran rayuan ini, hujah lisan peguam tertumpu kepada kegagalan pihak pendakwaan untuk menawarkan atau memanggil Puneet sebagai saksi. Berikut adalah ringkasan hujah peguam berhubung isu ini:

(i) SP30 telah gagal untuk memastikan kehadiran saksi material (Puneet) di mahkamah dan juga tidak adanya keterangan kukuh yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan untuk menunjukkan usaha-usaha munasabah untuk mengesan Puneet atau dua penama passport yang ditemui di dalam apartment tersebut;

(ii) adalah merupakan keterangan pihak pendakwaan bahawa rakaman percakapan Puneet telahpun diambil oleh SP30 dalam bentuk ID92. Namun begitu, tidak ada sebarang keterangan mengenai apa yang telah terjadi kepada Puneet setelah rakaman percakapan diambil. Malah, tidak ada sebarang maklumat dari Jabatan Imegresen yang menunjukkan bahawa Puneet tidak lagi berada di negara ini;

(iii) walaupun SP8 menyatakan bahawa beliau tidak pernah melihat Puneet tinggal di apartment tersebut (selain daripada T1 dan T2 sahaja), adalah merupakan pembelaan kedua-dua perayu bahawa apartment tersebut telah diduduki oleh mereka dan jika dikesan dan dipanggil atau

A sekurang-kurangnya ditawarkan kepada pihak pembelaan ianya dapat mengukuhkan pembelaan kedua-dua perayu atau sekurang-kurangnya memberikan pencerahan yang lebih jelas berkenaan apa yang telah berlaku kepada kedua-dua mangsa tersebut.

B (iii) kegagalan SP30 untuk membuat penyiasatan yang teliti telah memprejudiskan pembelaan kedua-dua perayu di mahkamah.

[82] Kegagalan atau kelalaian (omission) untuk memanggil atau menawarkan saksi-saksi penting mengakibatkan:

C (i) terdapat pelanggaran dalam peraturan yang dinyatakan dalam kes *Ti Chuee Hiang v. PP* [1995] 3 CLJ 1; [1995] 2 MLJ 433;

(ii) bahawa s. 114(g) Akta Keterangan mesti digunakan;

(iii) bahawa pembelaan telah diprejudiskan dan berada dalam keadaan yang tidak menguntungkan (disadvantage); dan

D (iv) bahawa terdapat jurang material dalam kes pendakwaan.

[83] Di dalam kes *Masoumeh Gholami Khaveh v. PP* [2013] 5 CLJ 59; [2013] 5 MLJ 688 mahkamah memutuskan bahawa kegagalan pihak pendakwaan untuk mengemukakan Amin kepada pembelaan merupakan pelanggaran perbicaraan yang adil (amount to breach of fair trial).

E

Jawapan Pihak Pendakwaan (Responden)

[84] Secara ringkasnya jawapan pihak pendakwaan terhadap hujah-hujah yang dikemukan oleh perayu-perayu adalah seperti berikut:

F Berhubung isu (i)

(i) pra-syarat s. 27 telahpun dipatuhi;

(ii) maklumat yang dirakamkan daripada T1 dan T2 yang membawa kepada penemuan kedua-dua mayat serta barang kes telahpun dinyatakan dalam laporan polis yang dibuat oleh SP19 dan SP20 iaitu eks. P69, P70, P73 dan P74;

G

(iii) maklumat yang diberikan oleh T1 dan T2 adalah dalam bentuk pertuturan dan juga tindakan menunjukkan beg-beg yang mengandungi mayat, pisau serta barang-barang peribadi kedua-dua si mati; dan

H

(iv) kedua-dua T1 dan T2 memahami Bahasa Malaysia. Maka kepentingan mereka tidak diprejudiskan.

Berhubung isu (ii)

I (i) Puneet bukanlah seorang saksi yang material;

(ii) rakaman percakapan Puneet telahpun diambil dan dikemukakan

sebagai ID92;

(iii) SP8 telahpun memberi keterangan bahawa beliau tidak pernah melihat Puneet tinggal di apartment tersebut. Hanya T1 dan T2 sahaja yang tinggal di apartment tersebut bersama si mati; dan

(iv) SP26 telah memberi keterangan bahawa menurut Puneet, T1 memberitahunya bahawa T1 telah melakukan kesalahan besar dan bagaimana Puneet membantu polis bagi menahan T1. Semua ini ada dinyatakan di dalam ID92.

Prinsip Undang-undang Yang Terpakai Dalam Rayuan Jenayah

[85] Di peringkat ini, adalah wajar untuk kami mengulangi semula prinsip bahawa mahkamah yang mendengar rayuan dari mahkamah bawahan mempunyai kuasa budi bicara untuk menilai semula keterangan yang dikemukakan ketika perbicaraan.

[86] Pemakaian prinsip ini dapat dilihat di dalam keputusan mahkamah dalam kes *PP v. Azilah Hadri & Anor* [2015] 1 CLJ 579 di mana, Suriyadi Halim Omar HMP memutuskan seperti berikut:

> [102] We hold the view that even if the trial judge had failed to mention of any evaluation of common intention in his written grounds of judgment, the Court of Appeal, which in law reheard the case when exercising its appellate function, was empowered and also duty bound to carry out an evaluation exercise to determine whether common intention did exist. Here the Court of Appeal equally failed to do that. An appeal is a continuation of proceedings by way of rehearing and an appeal court may subject the evidence to a critical re-examination. (*Ahmad Najib Aris v. PP* [2009] 2 CLJ 800; [2009] 2 MLJ 613; *Mohamad Deraman v. PP* [2011] 3 CLJ 601; [2011] 3 MLJ 280).

[87] Pendekatan yang sama telah terdahulunya diambil oleh Zulkefli Ahmad Makinudin HMP (sepertimana pada ketika itu) di dalam kes *Ahmad Najib Aris v. PP* [2009] 2 CLJ 800; [2009] 2 MLJ 613:

> [20] As regards the first main ground of appeal raised by the appellant, I am of the view that the Court of Appeal has the power to review or to re-evaluate all the evidence available as adduced by the prosecution. The Court of Appeal is in a position to do so in the present case even though the grounds of decision of the trial judge as appearing in the appeal records is found lacking in specific findings and with no reasons for the findings.
>
> ...
>
> [46] ... The Court of Appeal has the discretion to re-evaluate the remaining evidence and to scrutinize in totality such other evidence, apart from the confession to determine whether the evidence is sufficient to satisfy all the elements of the charges against the appellant. After all such steps have been taken, the Court of Appeal is obliged to scrutinize whether the evidence is sufficient to affirm the conviction against the

A appellant

[88] Keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kedua-dua kes di atas mengikat mahkamah ini. Berdasarkan penghujahan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak, adalah wajar untuk kami menilai semula kesemua keterangan untuk menentukan sama ada wujud kes *prima facie* dan sama ada
B isu berhubung keterangan di bawah s. 27 Akta Keterangan ada dipertimbangkan oleh HMT.

Keperluan Untuk Membuktikan Satu Kes *Prima Facie* Di Akhir Kes Pendakwaan

C **[89]** Seksyen 180 Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan seperti berikut:

> (1) When the case for the prosecution is concluded, the Court shall consider whether the prosecution has made out a *prima facie* case against the accused.
>
> D (2) If the Court finds that the prosecution has not made out a *prima facie* case against the accused, the Court shall record an order of acquittal.
>
> (3) If the Court finds that a *prima facie* case has been made out against the accused on the offence charged the Court shall call upon the accused to enter on his defence.

E **[90]** Ujian untuk menentukan sama ada kes *prima facie* wujud atau tidak telahpun digariskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85; [2005] 2 MLJ 301:

> The test at the close of the case for the prosecution would therefore be:
> F is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent? If the answer is in the affirmative then a *prima facie* case has been made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the prosecution. If there is any such doubt there can be no *prima facie* case.

Analisa Dan Dapatan Kami

G **[91]** Sepertimana yang dinyatakan di perenggan [35] di atas HMT telah menggariskan empat inti pati yang harus dibuktikan oleh pihak pendakwaan terhadap T1 dan T2 iaitu:

(i) seorang manusia telah mati;

H (ii) si mati mati disebabkan bencana tubuh atau kecederaan yang dialaminya;

(iii) bencana tubuh atau kecederaan atas si mati dilakukan oleh tertuduh; dan

(iv) tertuduh berniat untuk mendatangkan bencana tubuh atau kecederaan

I

tubuh atas si mati yang cukup pada lazimnya menyebabkan kematian. A

[92] Kami bersetuju dengan intipati yang digariskan di atas. Namun begitu, pihak kami telahpun menganalisa kembali keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi membuktikan intipati ke (iii).

Sama Ada Bencana Tubuh Atau Kecederaan Atas Si Mati Dilakukan Oleh T1 Dan T2 B

[93] Meneliti kembali ringkasan dapatan HMT berhubung inti pati ke (iii) – rujuk perenggan [39] hingga [41] di atas, adalah jelas bahawa bahawa HMT mendapati bahawa inti pati ke (iii) ini telah dibuktikan melalui keterangan ikut keadaan ataupun 'circumstancial evidence'. C

[94] Berikut adalah keterangan yang dipertimbangkan oleh HMT:

> [41] Mahkamah telah menilai keterangan dan mendapati keterangan ikut keadaan berikut telah dikemukakan:
>
> (i) T1 dan T2 dilihat menarik beg berwarna ungu yang kemudian dibuktikan melalui SP19, SP30 dan P28 bahawa beg tersebut mengandungi mayat yang dicam oleh SP7 sebagai si mati William; D
>
> (ii) SP13 telah mengecam T1 yang menarik beg diikuti bersamanya T2 sebagaimana yang ditunjukkan dalam rakaman CCTV (P41 dan P66) di Kawasan parkir Main Place; E
>
> (iii) SP13 menyatakan bahawa ketika beg berwarna ungu di masukkan oleh T1 dan T2 ke dalam bonet belakang keretanya, beliau terasa seperti keretanya bergegar yang menunjukkan kandungan beg yang berat; F
>
> (iv) SP13 atas permintaan T1 dan T2 bersama beg ungu telah membawa mereka seolah-olah berlegar-legar dari satu tempat ke satu tempat tanpa tujuan. Akhirnya diminta berhenti di tepi jalan Kawasan Putra Evanue dan hanya T1 bersama beg diturunkan manakala T2 ke Main Place; G
>
> (v) Beg ungu kemudian telah ditunjukkan oleh T1 kepada SP19 dan mendapati di dalamnya ada mayat yang kemudiannya dicamkan sebagai si mati William oleh SP7;
>
> (vi) Dari keterangan jiran si mati SP8 dan sahabat kedua-dua si mati iaitu SP10, SP11 dan SP12 bahawa tiada orang lain kecuali T1 dan T2 tinggal bersama si mati; H
>
> (vii) T1 berbohong kepada SP11 dan SP12 bahawa si mati telah berpindah rumah;
>
> (viii) T1 dan T2 juga telah menunjukkan beg pakaian kedua-dua si mati kepada pihak polis dan juga bantal yang dijumpai dalam beg mempunyai kesan darah; I
>
> (ix) T1 dan T2 dilihat menarik beg warna gelap P50(1)(a) melalui

rakaman CCTV di kawasan parkir di Main Places (P66);

(x) T2 menunjukkan kepada SP20 sebuah beg Polo Banker yang mengandungi pisau (P43(35)(a)) yang mempunyai kesan darah si mati Emily. SP16 telah mengambil spesimen tulang si mati Emily ditandakan M (P56) dan Analisa SP15 mendapati profil DNA perempuan dari kesatan darah di pisau, baju T dan seluar dalam perempuan yang berpadanan dengan DNA yang diperolehi dari spesimen tulang bertanda M;

(xi) T1 dan T2 telah menunjukkan barang-barang peribadi kedua-dua si mati kepada SP19 di satu Kawasan semak di mana terdapat kesan darah si mati Emily pada baju T P52(1)(a), seluar dalam perempuan (P52(13)(a)) dan bantal pada P51(b);

(xii) T2 keluar dari rumah si mati sebaik saja kedua-dua si mati didapati tidak dijumpai oleh SP10, SP11 dan SP12 dan T2 membawa beg dan disimpan di rumah SP22;

(xiii) T2 berbohong dan memberi alasan yang berbeza dengan T1 mengenai si mati kepada SP22 dengan mengatakan T2 bertengkar dan tidak puas hati dengan kedua-dua si mati dan T2 ingin berpindah rumah; dan

(xiv) Cota dijumpai bersama beg P50(1)(a)(ii) yang mana kedua-dua tertuduh adalah bekerja sebagai pengawal Keselamatan.

[95] Sepertimana yang telah dihuraikan di perenggan di atas, perayu telah mengemukakan hujah bahawa HMT telah terkhilaf dalam menerima masuk keterangan berhubung tindakan T1 dan T2 menunjukkan mayat serta ekshibit utama yang lain.

[96] Sehubungan itu, tumpuan kami tertumpu kepada keterangan berikut:

(i) beg ungu (P50) yang mengandungi mayat si mati William telah ditunjukkan oleh T1 kepada SP19;

(ii) T1 dan T2 juga telah menunjukkan beg pakaian kedua-dua si mati kepada pihak polis dan juga bantal yang dijumpai dalam beg mempunyai kesan darah;

(iii) T2 menunjukkan kepada SP20 sebuah beg Polo Banker yang mengandungi pisau [P43(35)(a)] yang mempunyai kesan darah si mati Emily; dan

(iv) T1 dan T2 telah menunjukkan barang-barang peribadi kedua-dua si mati kepada SP19 di satu kawasan semak di mana terdapat kesan darah si mati Emily pada baju T [P52(1)(a)], seluar dalam perempuan [P52(13)(a)] dan bantal pada [P51 (b)].

[97] Penelitian terperinci kami ke atas alasan penghakiman HMT, mendapati bahawa:

(i) HMT tidak ada di mana-mana menyatakan bagaimana perbuatan ditunjuk oleh T1 dan T2 sepertimana yang dinyatakan oleh SP19 dan SP20 dalam keterangan beliau telah diguna pakai untuk mengaitkan T1 dan T2 dengan kesalahan yang dipertuduhkan;

(ii) HMT tidak menyatakan di bawah peruntukan mana Akta Keterangan 1948 keterangan tersebut diterima masuk; dan

(iii) HMT tidak membuat sebarang rujukan kepada laporan polis yang dibuat oleh SP19 dan SP20 bagi menyokong keterangan mereka bahawa T1 dan T2 telah membawa pihak polis kepada penemuan mayat si mati William, pisau dan barang-barang peribadi kedua-dua si mati.

[98] Pada pandangan kami, isu ini amat penting memandangkan perbuatan menunjuk ini boleh diguna pakai melalui dua cara. Pertamanya, perbuatan menunjuk itu menunjukkan bahawa T1 dan T2 mempunyai pengetahuan berhubung di mana beg (P50) dan barang-barang kes yang dinyatakan di perenggan [94] diletakkan. Dalam konteks sedemikian, peruntukan s. 8 Akta Keterangan yang menyatakan seperti berikut adalah terpakai:

> Seksyen 8 Akta Keterangan
>
> Motive, preparation and previous or subsequent conduct (1) ...
>
> (2) The conduct of any party or agent to any party, to any suit or proceeding in reference to that suit or proceeding, or in reference to any fact in issue therein or relevant thereto, and *the conduct of any person to an offence against whom is the subject of any proceeding, is relevant if the conduct influences or* is influenced by *any fact in issue or relevant fact, and whether it was previous or subsequent thereto*.
>
> Explanation 1 - *The word "conduct" in this section does not include statement unless those statements accompany and explains acts other than statements*; but this explanation is not to affect the relevancy of statements under any other section of this Act.
>
> Explanation 2 - When the conduct of any person is relevant any statement made to him or in his presence and hearing which affects his conduct is relevant.
>
> (emphasis added)

[99] Keduanya, bahawa penemuan barang-barang kes tersebut terjumlah kepada maklumat yang membawa kepada penemuan barang kes tersebut ataupun 'information leading to discovery' sepertimana peruntukan s. 27 Akta Keterangan.

[100] Dalam keadaan di mana, DNA T1 dan T2 tidak langsung dijumpai pada mayat kedua-dua si mati mahupun pada pisau yang dikatakan digunakan untuk membunuh si mati Emily, kami berpandangan bahawa T1 dan T2 sekadar:

A (i) mempunyai pengetahuan di mana beg dan barang-barang kes yang berkaitan dibuang atau disembunyikan;

(ii) dilihat menarik beg warna gelap P50(1)(a) melalui rakaman CCTV di kawasan parkir di Main Places (P66);

B (iii) telah berbohong kepada SP11 dan SP12 bahawa si mati telah berpindah rumah;

(iv) T2 keluar dari rumah si mati sebaik saja kedua-dua si mati didapati tidak dijumpai oleh SP10, SP11 dan SP12 danT2 membawa beg dan disimpan di rumah SP22;

C (v) T2 berbohong dan memberi alasan yang berbeza dengan T1 mengenai si mati kepada SP22 dengan mengatakan T2 bertengkar dan tidak puas hati dengan kedua-dua si mati dan T2 ingin berpindah rumah; dan

(vi) tidak memadai untuk membuktikan bahawa mereka telah melakukan D bencana tubuh atau kecederaan kepada kedua-dua si mati William dan Emily.

[101] Pandangan kami ini dipengaruhi oleh fakta bahawa:

(i) SP13 tidak di dalam keterangannya mengecam beg ungu yang kononnya telah dibawa oleh T1 dan T2 pada malam kejadian; E

(ii) walaupun T2 dikatakan telah membawa SP20 ke pondok pengawal di kawasan perumahan USJ 16, Subang Jaya di mana beg polo banker yang mengandungi pisau dan lain-lain ekshibit ditemui, tidak terdapat sebarang keterangan lisan bagaimana T2 boleh memandu arah SP20 dan F pasukannya ke lokasi berkenaan; dan

(iii) tidak terdapat sebarangan keterangan dari pengawal yang sebenarnya bekerja di pondok pengawal di mana barang kes dijumpai. Keterangan ini amat penting memandangkan T2 tidak bekerja sebagai pengawal keselamatan di kawasan perumahan USJ 16 tersebut.

G **[102]** Sebaliknya, jika HMT telah mengguna pakai peruntukan s. 27 Akta Keterangan terdapat syarat ataupun protokol yang perlu dipatuhi sebelum keterangan tersebut boleh diterima masuk.

Seksyen 27 Akta Keterangan

H (1) When any fact is deposed to as discovered in consequence of information received from a person accused of any offence in the custody of a police officer, so much as that information, whether the information amounts to a confession or not, as relates distinctly to the fact thereby discovered may be proved

I **[103]** Keperluan untuk menghuraikan sama ada perbuatan T1 dan T2 ini yang dikatakan telah menunjukkan di mana terjumpanya mayat si mati William dan ekshibit lain adalah kritikal kerana, di peringkat perbicaraan,

T1 dan T2 telah mencabar keterangan SP19 dan SP20 bahawa T1 dan T2 telah menunjukkan tempat di mana barang-barang kes ini dijumpai. Adalah versi T1 dan T2 bahawa pihak polis yang turut melibatkan SP19 dan SP20 telahpun menjumpai barang-barang kes tersebut sebelum membawa mereka ke lokasi.

Q : Barang yang dijumpai adalah bukan dari pandu arah penama Sagar. Barang itu telah dijumpai dan Sagar telah dibawa ke tempat itu.

A : Tidak setuju.

Q : Saya katakan demikian kerana pada 26hb satu mayat wanita cina telah dijumpai dan siasatan dan pencarian secara keseluruhan diuruskan oleh ASP. Sebab itu barang itu telah dijumpai di semak itu.

A : Tidak setuju.

Q : Begitu juga perjumpaan beg warna ungu. Kawasan yang kamu jumpa itu ada pergerakan orang ramai?

A : Ya ada.

Q : Tempat itu bukanlah kawasan terpencil?

A : Ya bukan.

Q : Perjumpaan begi itu dijumpai oleh anggota dan bukan dipandu arah oleh OKT1.

A : Tidak setuju.

Q : P68, P70 dan P71 dirujuk. Dalam laporan ini setuju bahawa awak tidak memberi amaran kepada Tertuduh mengikut s. 27?

A : Ada. Tetapi dalam report tiada.

Q : Setuju bahawa kedua-dua Tertuduh ini warganegara India?

A : Setuju.

Q : Mereka kurang fasih Bahasa Malaysia?

A : Setuju.

Q : Mereka juga kurang arif jalan-jalan di Subang atau sekitarnya?

A : Tidak setuju kerana OKT1 yang memandu arah kami ke lokasi-lokasi tersebut.

Q : Ada dia beritahu nama jalan?

A : Tiada.

Q : Berapa lama dia tinggal di Malaysia?

A : Tidak ingat

Q : Kerana mereka tinggal di Malaysia secara tidak sah jadi mereka jarang keluar dari tempat tinggal mereka maka mereka tidak tahu

selok-belok jalan di sekitar Subang?

A : Setuju.

Q : P69 dirujuk. Dalam ini juga tidak terdapat amaran yang diberikan kepada Tertuduh.

A : Betul.

Q : Apa yang dinyatakan dalam laporan itu, "Sir, I can show the place, I put the knife and uncle body" adalah mustahil dikatakan oleh Tertuduh kerana mereka tidak merujuk kepada lelaki yang sewa bersama mereka di unit B-12-07 sebagai uncle tetapi sebagai Daddy. Maka yang dikatakan oleh laporan polis ada tidak benar. Setuju atau tidak?

A : Tidak.

Q : Dalam P69 ini ada dicatat tentang rampasan pisau dan juga uncle body.

A : Untuk P69 tiada.

Q : P68 item no. 1-16 dirujuk. Semua ini adalah atas maklumat yang dimaklumkan oleh anggota forensik.

A : Ya betul.

Q : Kamu tidak mempunyai direct information tentang barang-barang tersebut.

A : Ya betul.

Q : Kamu tidak brada di tempat semasa forensik buat semua itu?

A : Saya ada di sana.

Q : Apa itu swabbing peluh. Dari peluh siapa?

A : Tidak pasti.

Q : Kamu kata ada di sana?

A : Saya tidak melihat.

Q : Siapa yang bawa barang ini ke IPD?

A : Pegawai Penyiasat sendiri bawa.

Q : Saya katakan kamu ambil masa yang lama untuk buat laporan ini kerana kamu telah pergi ke tempat ini untuk dapatkan barang kes tanpa dipandu arah oleh Tertuduh dan selepas kamu dan anggota telah menemui baran ini baru kamu telah buat laporan ini dengan memasukkan nama Tertuduh.

A : Tidak setuju.

[104] Dalam rayuan di hadapan kami, keterangan berhubung perbuatan menunjuk oleh T1 dan T2 telah dikemukakan melalui SP19 dan SP20. Berpandukan nota keterangan perbicaraan, kami bersetuju dengan hujah

peguam perayu bahawa tidak terdapat keterangan lisan daripada SP19 dan SP20 yang membawa kepada penemuan mayat si mati William, beg polo banker dan barang-barang peribadi kedua-dua si mati. Sebaliknya, kedua-dua saksi ini telah mengemukan laporan polis dalam bentuk eks. P69, P70, P71, P73 dan P74 (rujuk rekod rayuan Jilid 3(2) mulai ms. 263).

[105] Walaupun, laporan polis ini yang menyatakan secara terperinci apa yang berlaku yang membawa kepada penemuan mayat si mati dan ekshibit lain ini telah diterima masuk sebagai keterangan yang menyokong dan mempengaruhi kes pihak pendakwaan, ia langsung tidak disentuh oleh HMT dalam alasan penghakiman beliau.

Undang-undang Bagi Kemasukan Keterangan Di Bawah Seksyen 27 Akta Keterangan 1950

[106] Di peringkat ini, adalah wajar untuk kami menggariskan secara ringkas prasyarat yang harus dipatuhi sebelum keterangan di bawah s. 27 Akta Keterangan.

[107] Di dalam kes *Md Zainuddin Raujan v. PP* [2012] 7 CLJ 715 Mahkamah Persekutuan telah bersetuju dengan analisa hakim perbicaraan bahawa, prasyarat kemasukan keterangan di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950 seperti berikut:

> (i) *the information was supplied by the accused after commission of an offence or during the commission of an offence – Choo Teck Soon v. PP* [1953] CLJU 16; [1953] 1 LNS 16; [1954] MLJ 63.
>
> (ii) *the accused was under the custody of the police at the time of the information was supplied – Soh Ten Sang & Ors v. PP* [1964] MLJ 380.
>
> (iii) *the information supplied by the accused has caused the discovery of a fact ie, the offending drugs and the said information relates distinctly to the fact discovered – Wai Chan Leong v. PP* [1989] 2 CLJ 1168; [1989] 1 CLJ (Rep) 171; [1989] 3 MLJ 356.
>
> (iv) *the fact or thing discovered as a result of the information must be concealed – Yee Ya Mang v. Public Prosecutor* [1971] CLJU 156; [1971] 1 LNS 156; [1971] 1 MLJ 380.
>
> (v) *the police has no prior knowledge of the fact or thing concealed – PP v. Mohd Farid bin Mohd Sukis & Anor* [2002] 8 CLJ 814.
>
> (emphasis added)

[108] Di dalam kes *Hasamuddin Talena v. PP* [2002] 2 CLJ 504; [2002] 2 MLJ 408, keperluan untuk membuktikan perkataan sebenar yang diucap oleh seseorang tertuduh dan juga kewujudan 'contemporaneous record' berkaitan perkataan tersebut:

> Where the prosecution seeks to rely on information under the inclusionary provisions of s. 27 of the Evidence Act 1950, approximations were not permitted. In other words, the exact words spoken by an accused

had to be proved. Since nothing more than the information given by an accused was admissible, it followed that the information must be exact and recorded in the language or words used by the accused. This strict test had not been met by the facts of the present appeal. These observations then lead us to the logical conclusion that the conviction in the present case is entirely unsafe.

Kata-kata amaran – keperluan untuk membuktikan kewujudan dan the wording of kata-kata amaran yang dibacakan kepada suspek sebelum maklumat di bawah s. 27 Akta Keterangan diterima masuk

[109] Prasyarat yang sama juga telah diberi penekanan di dalam kes *Md Zainuddin Raujan v. PP* di mana Mahkamah Persekutuan telah merujuk kepada kes *PP v. Hashim Hanafi* [2003] 8 CLJ 555 ms. 564-565 yang menyatakan seperti berikut:

Information given under s. 27 is not a matter that is required by law to be in writing so as to be governed by ss. 91 and 92 of the Act. Therefore the information must be proved by oral evidence pursuant to. Section 60(b) of the Act. Thus a written record of the information given by the accused will not by itself be substantive evidence of its contents and it is what the witness deposes in court as having been said by the accused that will be evidence (see *Bhagirath*). Where the information is contained in a police diary it can only be used for the purpose of refreshing memory (see *Public Prosecutor v. Er Ah Kiat* [1966] 1 MLJ 9). Where it is contained in any other document it can, at the highest, serve only as evidence of corroboration. It is on this basis that a report prepared by a chemist pertaining to his analysis of drugs cannot be tendered as substantive evidence of its contents but only as corroboration of his oral evidence in court under s. 157 of the Act (see *Saw Thuan Teik v. R* [1953] MLJ 124; *Muhammed bin Hassan v. Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 273). The purpose of corroboration is not to give validity or credence to evidence which is deficient or suspect of incredible but only to confirm and support what which as evidence is sufficient and satisfactory and credible (see *DPP v. Hester* [1972] 3 All ER 1056). Its role is to confirm other evidence in the sense that it renders that other evidence more probable (see *Doney v. R* (1990) 171 CLR 207; *DPP v. Kil bourne* [1973] AC 729). It cannot therefore amount to that other evidence itself. Thus the record of an information will only enhance the credibility of the witness and the absence of it cannot render the oral evidence of it inadmissible; nor can it be a substitute for the evidence that it is meant to corroborate.

[110] Di dalam kes *Francis Antonysamy v. PP* [2005] 2 CLJ 481, keperluan kata-kata amaran dibuktikan telah dititikberatkan dan diberi penekanan:

The court can be 'satisfied' that the caution was administered as required only with adequate proof of the words used. This can only be done if there has been evidence of the actual words used by the recording officer. In that event the court would be in a position to determine whether the caution that was administered is as prescribed or to the like effect or is something that is different. Oral evidence of the words used is particularly significant in this case as it is subject to appellate review. There is

no such oral evidence though the words used appear in the cautioned statement (see para 17); *Yap Ee Kong & Anor v. Public Prosecutor* [1980] 1 LNS 117; [1981] 1 MLJ 144 followed. The result is that there was no evidence before the court in order to be 'satisfied' whether the caution that was administered is as prescribed or contain words to the like effect (see para 18).

The evidence does not point to the caution being orally administered and therefore, the oral statements of the Appellant should be excluded.

We therefore find the Appellant oral statement runs afoul of section 27 of the Evidence Act 1950, and further and in the alternative, the statutory caution had not been administered and should be excluded. The net effect of that would be doubt had been sufficiently created bv the Appellant.

(penekanan ditambah)

[111] Dari aspek kesukarelaan suspek memberi keterangan mahkamah mempunyai budi bicara sama ada untuk menerima pakai ataupun menolak keterangan di bawah s. 27 yang diperolehi tanpa kesukarelaan pemberi maklumat sepertimana yang diputuskan dalam kes *Goi Ching Ang v. PP* [1999] 1 CLJ 829:

The information supplied under s. 27 which has been found to be involuntary, may be excluded by the Court in the exercise of its discretion. But the court there opined that as the exclusion of the evidence is discretionary the exercise of the discretion will depend on the facts.

(penekanan ditambah)

[112] Prinsip yang sama juga telah diputuskan di dalam kes *Shohel lwn. PP* [2022] CLJU 2812; [2022] 1 LNS 2812:

[21] Walau pun seksyen 27 tidak tertakluk kepada seksyen 24 berhubung kesukarelaan maklumat berkenaan, tetapi **jika dibuktikan maklumat berkenaan telah diperolehi secara tanpa kesukarelaan pemberi maklumat tersebut, Mahkamah masih mempunyai budi bicara untuk tidak menerima maklumat berkenaan**. Pihak yang inginkan Mahkamah mengketepikan maklumat yang diperolehi tanpa sukarela tersebut perlu menunjukkan, pada imbangan kebarangkalian, bahawa budibicara Mahkamah tersebut hendaklah berpihak kepadanya. Tahap ketidaksukarelaan ini perlu diimbangi dengan undang-undang bahawa seksyen 27 tidak tertakluk dengan seksyen 24 berhubung isu kesukarelaan.

(penekanan ditambah)

[113] Di dalam kes *Amathevelli P Ramasamy v. PP* [2009] 3 CLJ 109, Arifin Zakaria HBM (kemudiannya KHN), telah merujuk kepada kes *PP v. Hashim Hanafi* (*supra*) dan menolak laporan polis P51 yang dikemukakan sebagai keterangan pihak pendakwaan atas alasan bahawa keperluan wujudnya

keterangan lisan bagi maklumat yang diberikan adalah merupakan satu keperluan wajib.

> It is therefore clear that there must be oral evidence of the information given. P51 cannot be a substitute for it. Accordingly, we hold that P51, the information supplied under s. 27 by the appellant, is inadmissible.

Rumusan Berhubung Laporan Polis P69, P70, P71, P73 Dan P74

[114] Berpandukan prasyarat yang dinyatakan di atas, kami merumuskan bahawa HMT telah terkhilaf apabila gagal membuat sebarang analisa mahupun dapatan berhubung maklumat yang dikatakan telah diberikan oleh T1 dan T2 kepada SP19 dan SP20.

[115] Kami akur bahawa tidak semua kes memerlukan perkataan sebenar yang diucap oleh seseorang tertuduh dan juga kewujudan 'contemporaneous record' dikemukakan bagi tujuan kemasukan keterangan di bawah s. 27 (rujuk keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Siew Yoke Keong v. PP* [2013] 4 CLJ 149), kami juga mendapati bahawa HMT telah terkhilaf apabila tidak memastikan sama ada laporan polis: eks. P69, P70, P73 dan 74 yang dikemukakan oleh SP19 dan SP20 mematuhi prasyarat kemasukan keterangan di bawah s. 27 sepertimana yang dinyatakan di atas terutamanya tiadanya keterangan lisan berhubung pertuturan di antara SP19 dan T1 serta SP20 dan T2 yang membawa kepada T1 dan T2 membawa kepada penemuan mayat si mati William dan ekshibit yang berkaitan selaras dengan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Amathevelli P Ramasamay v. PP* (*supra*). Bagi tujuan s. 27, keterangan yang boleh diterima masuk adalah 'information leading to discovery' dan bukannya 'evidence of recovery'.

[116] Kami juga mendapati bahawa HMT juga terkhilaf apabila gagal menolak kemasukan laporan polis tersebut dalam ketiadaan keterangan lisan. Analisa kami ke atas butir yang dinyatakan di dalam laporan polis P69, 70, 73, P74 tersebut mendapati bahawa kandungan kedua-dua laporan polis tersebut amat mempengaruhi naratif kes pendakwaan yang menyatakan seperti berikut:

> Pada 29.9.2019 jam lebih kurang 1.50 tengahari, SP20 dan pasukkannya telah membuat tangkapan terhadap OKT 2. Hasil maklumat di bawah Seksyen 27 AK (P73), SP20 dan pasukannya telah ke "pondok pengawal perumah USJ 16, Subang Jaya hasil pandu arah daripada OKT 2 dan SP20 telah menjumpai ....
>
> (a) ...
>
> (b) 1 bilah pisau lipat ...

(rujuk hujah pihak pendakwaan di perenggan 18 ms. 8 kandungan 4 rekod rayuan).

[117] Tanpa adanya laporan polis tersebut, keterangan SP19 dan SP20 mengenai perbuatan T1 dan T2 yang telah menunjukkan kepada ekshibit

yang telah ditemui adalah samar dan mewujudkan lompang dalam kes pendakwaan. Walaupun, perbuatan T1 dan T2 yang dikatakan telah menunjukkan kedudukan ekshibit utama dalam kes ini boleh diterima masuk di bawah s. 8 Akta Keterangan sepertimana yang telah dipersetujui oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Pathmanabhan Nalliannen v. PP & Other Appeals* [2017] 4 CLJ 137, tidak ada sebarang perbincangan dalam alasan penghakiman HMT berhubung penggunaan s. 8 bagi tujuan membuktikan kes terhadap T1 dan T2.

[118] Berasaskan faktor-faktor di atas, kami mendapati bahawa HMT terkhilaf dalam membuat dapatan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes *prima facie* yang mematuhi peruntukan s. 180 Kanun Tatacara Jenayah serta prinsip-prinsip yang digariskan dalam kes *Balachandran v. PP* (*supra*) yang membawa kepada kedua-dua T1 dan T2 dipanggil untuk membela diri. Atas alasan, ini, kami mendapati bahawa HMT gagal membuat maximum evaluation ke atas kes pendakwaan. Natijahnya, sabitan dan hukuman terhadap kedua-dua T1 dan T2 adalah tidak selamat.

Dapatan Berhubung Isu Kegagalan Memanggil/Menawarkan Puneet Sebagai Saksi

[119] Sepintas lalu, kami bersetuju dengan hujah peguam perayu bahawa kegagalan menawarkan atau mengemukakan Puneet sebagi saksi adalah 'fatal' kepada kes pendakwaan. Namun, selaras dengan dapatan kami berhubung isu s. 27 di atas, kami berpandangan bahawa tiada keperluan bagi kami menghuraikan analisa kami berhubung isu kedua ini.

[120] Oleh itu, kami sebulat suara memutuskan bahawa rayuan T1 dan T2 dibenarkan. Justeru, sabitan dan hukuman Mahkamah Tinggi terhadap kedua-dua perayu diketepikan.